


**Jilid I
Bil. 18**



**Hari Isnin
10hb Januari, 1983**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1941]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) [Ruangan 1971]

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R.M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOH SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M.K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N. P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAH RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

Yang Berhormat Tuan Ting Ming Hia *alias* TING MING Hoi (Sarawak).
,, TUAN D.P. VIJANDRAN (Dilantik).
,, TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
,, DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
,, TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).
,, DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
,, TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
,, TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA DEWAN NEGARA

Isnin, 10hb Januari, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Tuan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

DASAR PANDANG KE TIMUR

1. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) dalam konsep pandang ke timur berapa orang penuntut telah pergi belajar ke Jepun; dan
- (b) sama ada Kementerian ada rancangan untuk menghantar penuntut-penuntut ke negara Jerman, Perancis, Itali dan lain-lain untuk kebaikan semasa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, seramai 135 orang penuntut lepasan Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia (SPVM) telah dihantar ke Jepun untuk mengikuti latihan dalam berbagai bidang perindustrian di dalam firma-firma Jepun. Selain daripada itu Kerajaan jua menghantar seramai 20 orang penuntut untuk kursus ijazah dan lepasan ijazah di bawah rancangan 'Mombusyu' Kementerian Pelajaran Jepun mengelolaknya.

Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji rancangan untuk menghantar pelajar-pelajar dan

pelatih-pelatih ke beberapa buah negeri di Eropah Barat terutama di Perancis dan Belgium. Ke arah ini satu rombongan iaitu rombongan pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Universiti Teknologi Malaysia telah pergi ke Perancis untuk mengkaji peluang pengajian tinggi di sana.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah Kerajaan Jepun ataupun sebarang institusi pelajaran atau yayasan di Jepun menawarkan biasiswa kepada penuntut-penuntut di Malaysia memandangkan usaha Kerajaan Malaysia memandangkan ke Timur selain daripada penuntut yang dihantar oleh Kerajaan adakah tawaran daripada Kerajaan Jepun atau sebarang yayasan pelajaran di negeri itu memberikan biasiswa sebagai sumbangan atas pandangan negara ini ke Timur.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, satu daripada contoh yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada saya menyebutkan dalam rangka jawapan tadi iaitu umpamanya pada tiap-tiap tahun seramai 20 orang penuntut-penuntut untuk kursus ijazah dan lepasan ijazah di bawah rancangan 'Mombusyu' yang dikelolakan dan dibiayai oleh Kementerian Pelajaran Jepun tiap-tiap tahun diberikan kepada kita.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, bolehkah dapat tahu jumlah bilangan penuntut-penuntut dari Maktab Teknik yang telah dihantar ke negara-negara luar untuk mengetahui cara-cara teknologi moden dengan lebih lanjutnya dalam konsep pandang ke Timur.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, dalam rangka Ahli Yang Berhormat hendakkan angka, selain daripada yang disebut dalam soal asal, saya perlukan notis.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, ada dua soalan tambahan. Yang pertama, kita menghantar 135 seperti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Jepun. Saya suka bertanya adakah bayaran biasiswa ke negeri Jepun ini serupa yang kita hantar ke United Kingdom ataupun ke Jepun ini lebih separuh murah biasiswa pada setiap orang penuntut.

Yang kedua, saya tidak faham apa Yang Berhormat kata 20 orang tadi atas rancangan 'Mombusyu'. Saya tidak mengerti, bolehkah beritahu sekarang apa itu 'Mombusyu'.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Yang pertama saya hendak menerangkan bahawa program penghantaran pelajar-pelajar kita ke United Kingdom itu adalah agak berbeza daripada program yang kita menghantar pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih kita ke negeri Jepun dalam rangka pandang ke Timur tadi, kerana saya menyebutkan bahawa pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih yang kita hantar ke Jepun itu adalah pelajar-pelajar yang datang daripada sekolah-sekolah Vokesyenal, walhal yang kita hantar ke United Kingdom itu adalah pelajar-pelajar dari bidang keseluruhan daripada sekolah-sekolah biasa dan sebagainya.

Soalan yang kedua, 'Mombusyu' ini adalah nama badan anjuran Kementerian Pelajaran Jepun. Saya minta maaf tidak dapat menterjemahkan ayat ini, barangkali saya hendak mengikuti kursus Jepun ini juga.

BERNAMA DAN PEJABAT DI NEGARA ASEAN

2. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah buah negara dan nama-namanya di mana BERNAMA mempunyai wakilnya; dan berapakah pendapatan dan perbelanjaan BERNAMA dalam tahun 1981.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, buat masa ini BERNAMA mempunyai pejabatnya di semua ibu kota negara-negara ASEAN iaitu di Bangkok, Jakarta, Manila dan Singapura. Pejabat-pejabat ini diketuai oleh pewarta BERNAMA sendiri.

Pendapatan BERNAMA bagi tahun 1981 ialah \$6,782,454 berbanding dengan perbelanjaan sebanyak \$5,803,753.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Soalan tambahan, Tuan yang Dipertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa di negara-negara ASEAN sahaja yang ditempatkan wakil BERNAMA. Adakah cadangan Kementerian untuk meluaskan penempatan wakil-wakil BERNAMA?

Keduanya, walaupun wakil-wakil BERNAMA ada di ibu kota negeri-negeri ASEAN, mengapa sedikit sangat berita-berita daripada negeri-negeri itu? Kebanyakan berita-berita ialah daripada pemberita

antarabangsa AP, UPI, Reuter, dan sebagainya ataupun pemberita dari Indonesia. Lemah sangatkah wakil-wakil BERNAMA ini?

Ketiganya, adakah cadangan Kerajaan supaya BERNAMA diberi satu fungsi tambahan ataupun kuasa untuk menapis berita-berita antarabangsa yang harus disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama, kenapa Pejabat BERNAMA ditempatkan di negara ASEAN sahaja, jawapannya BERNAMA memang dalam rancangannya untuk menghantar wakil-wakilnya dan menubuhkan pejabatnya di negara-negara luar daripada ASEAN. Ini masih lagi dalam proses perkembangan memandangkan keadaan kewangan dan sebagainya.

Yang kedua, mengapa sedikit sangat diterima berita-berita dari negeri-negeri itu? Ianya ada beberapa sebab. Satu daripadanya walaupun berita itu disalurkan kepada BERNAMA, ianya terserah kepada akhbar-akhbar tempatan untuk mengambil berita-berita itu. Banyak berita yang kita terima tetapi kita tidak boleh terima semuanya, misalnya, kalau berita itu tidak ada nasional interest—kepentingan negara, kemungkinan berita itu tidak kita sebar.

Yang ketiga, cadangan supaya BERNAMA diberi kuasa untuk menapis, suka saya memberitahu bahawa BERNAMA sekarang ini sedang menyediakan satu kertas untuk dipertimbangkan oleh Kementerian untuk menyalurkan semua berita-berita daripada luar negeri supaya kita tapis. Hanya satu sistem yang kita hendak cari iaitu sistem yang baiknya cara mana sistem penapisan itu boleh bersesuaian pada semua pihak.

KENDERAAN BERAT DI TEPI JALAN

3. Tuan M.K. Muthusamy minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian ke atas kenderaan berat yang sentiasa berhenti di tepi sepanjang lebuhraya dan jalan raya tanpa menyalakan lampu amaran atau isyarat-isyarat yang lain di kenderaan mereka oleh kerana kemalangan sering kali berlaku disebabkan oleh kecuaiannya ini.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang Dipertua, suka saya memaklumkan bahawa mengikut peruntukan Undang-undang iaitu kaedah 101 A (1), kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan), 1959 kenderaan-kenderaan yang berhenti di atas jalan hendaklah menyalakan lampu kecilnya (lampu-lampu yang tidak melebihi 7 watt). Bagi kenderaan-kenderaan yang berat dengan muatannya melebihi 3,500 kg atau kenderaan perkhidmatan awam atau persendirian yang mempunyai tempat duduk melebihi 16 orang, jika berhenti di atas jalan hendaklah meletakkan tanda amaran keselamatan berjaga-jaga (safety triangle) dengan jarak tidak kurang dari 46 meter (50 ela) dari belakang kenderaan tersebut sebagai tanda amaran awal berjaga-jaga untuk kenderaan-kenderaan lain. Tindakan telah dan akan sentiasa diambil ke atas kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi kehendak kaedah-kaedah ini.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Memandangkan pemandu-pemandu kenderaan berat ini semakin hari semakin tidak mengindahkan undang-undang ataupun tidak mahu mengerti dan memahami undang-undang keselamatan jalanraya dan

berdasarkan negara kita ini negara yang demokratik, adakah pihak Kementerian dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan Majlis Keselamatan Jalan raya bercadang untuk memberikan didikan secara formal kepada pemandu-pemandu ini setiap tahun secara beransur-ansur, memberi kursus ketika mereka hendak membaharui lesen-lesen pemandu dan sebagainya.

Saya rasa ini akan dapat mengurangkan keadaan-keadaan kemalangan yang dahsyat yang sepatutnya dapat kita elakkan kerana berdasarkan prevention is better than cure.

Dato' Lee San Choon: Kementerian saya akan timbangkan cadangan itu.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Oleh kerana selalu sangat terdapat kemalangan-kemalangan ini, saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan setakat ini berapakah jumlah kemalangan-kemalangan yang serupa ini telah berlaku di seluruh Malaysia?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang Dipertuan, saya minta notis untuk menjawab soalan itu.

DASAR PANDANG KE TIMUR

4. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan falsafah dan kepentingan dasar pandang ke timur sekarang ini, baik dari segi ekonomi, pelajaran dan juga teknologi moden yang selama ini kita memang bergantung dari negara-negara barat dan tidakkah timbul pula di kemudian hari nanti, pihak Timur pula bersikap seperti negara-negara Barat.

10. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan falsafah dan kepentingan dasar pandang ke

timur sama ada Kerajaan Malaysia mendapat bantuan kewangan dari negara Timur tersebut dan jika ada di manakah wang itu digunakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya pohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan iaitu No. 4 dan juga soalan No. 10 yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam kerana kedua-dua soalan itu adalah berhubung dengan dasar pandang ke timur.

Timbalan Yang Dipertua: Baiklah.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita mengadakan dasar pandang ke timur dengan tujuan untuk mencari unsur-unsur atau contoh-contoh baru yang boleh kita gunakan untuk meningkatkan lagi usaha dan hasil kerja kita dalam membangunkan negara kita ini. Kita semua tahu bahawa selama ini kita banyak mempelajari daripada Barat, ertinya dari negara-negara Barat yang maju. Tetapi dalam zaman kebelakangan ini sudah ada pula dua buah negara yang terbukti begitu maju di timur ini dalam berbagai bidang/lapangan pembangunan negara dan kedua-dua negara ini iaitu negara Jepun dan Korea Selatan.

Dengan itu maka munasabahlah jika sekiranya kita pandang kepada negara-negara berkenaan untuk mencari contoh-contoh sistem teknologi dan cara pengurusan dan pekerjaan yang mungkin berfaedah kepada kita setelah kita sesuaikan penggunaannya dengan keadaan di negara kita ini.

Dari usaha yang seperti ini kita tentu juga akan dapat menjalankan perhubungan yang baik dengan kedua-dua negara berkenaan dan ini kita percaya akan membawa kepada

banyak faedah politik dan ekonomi yang boleh kita dapati. Sama ada pihak negara-negara timur itu akan bersikap seperti negara-negara barat sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu, ini adalah bergantung kepada perkembangan dan perubahan-perubahan yang berlaku di negeri-negeri yang tersebut dan kita tidaklah dapat pada waktu ini untuk membuat satu kepastian mengenainya.

Tuan Yang Dipertua, dasar pandang ke timur bukanlah bertujuan untuk mendapat bantuan kewangan dari negara-negara di timur yang berkenaan itu. Dasar ini lebih menitikberatkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi kepada peninggian mutu pekerjaan, daya pengeluaran dan sikap ataupun etika pekerjaan yang lebih positif yang dapat kita gunakan untuk usaha-usaha pembangunan negara kita. Kesemuanya ini boleh dicontohi daripada negeri-negeri timur seperti Jepun dan Korea Selatan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1966 Kerajaan Malaysia telah dapat soft loan dari Kerajaan Jepun berjumlah 195 billion yen iaitu sebanyak \$1,950 juta, dengan syarat-syarat yang berpatutan. Kadar faedah yang dikenakan adalah rendah iaitu di antara 3%-5%. Tempoh bayaran adalah selama 25 tahun termasuk tempoh kebebasan selama 7 tahun. Bantuan kewangan yang berbentuk soft loan ini adalah untuk membiayai berbagai-bagai projek pembangunan negara kita.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selain daripada pandang ke timur ini iaitu daripada segi ekonomi, pelajaran dan teknologi moden yang mana Yang Berhormat

mengatakan ada selaras dengan pembangunan negara. Dalam pembangunan negara bermakna juga pembangunan pertahanan negara, adakah dalam dasar pandang ke timur ini negara kita akan menghantar tentera-tentera kita berlatih di Jepun dan di Korea dari segi ketenteraan ala timur?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Di bawah rancangan yang sedang diatur dan dirancangan sekarang ini tidak ada rancangan seumpama itu, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 5,

KENAIKAN HARGA BARANG

5. Tuan Loo Swee Mok (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan positif beliau akan ambil untuk mencegah kadar inflasi yang melambung naik akibat daripada kenaikan kadar cukai jualan dari 5% hingga 10% dalam Belanjawan 1983.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah) Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar kadar inflasi melambung naik akibat daripada kenaikan cukai jualan baru-baru ini. Mungkin ada barang-barang yang naik harga tetapi barang-barang itu adalah barang-barang yang tidak perlu atau barang-barang kurang penting. Barang-barang ini merupakan 25% sahaja daripada barang-barang yang dikeluarkan di dalam negeri dan barang-barang yang diimport. Tetapi barang-barang lain yang kebanyakan merupakan barang-barang perlu yang digunakan oleh pengguna-pengguna khususnya golongan yang berpendapatan rendah

tidak seharusnya naik harga kerana barang-barang ini tidak dikenakan cukai jualan langsung. Jika didapati barang-barang ini naik harga ini adalah semata-mata eksploitasi dari peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan daripada cukai jualan ini. Di sini peranan pengguna-pengguna adalah penting. Mereka perlu mengambil tindakan yang positif. Bersama dengan Persatuan-persatuan Pengguna mereka akan dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha membendung inflasi.

Kedudukan inflasi pada masa ini tidaklah buruk seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat, malah sudah bertambah baik. Kadar inflasi seperti yang dicerminkan oleh Angka Tunjuk Harga Pengguna telah turun sebanyak 3.5% dalam sebelas bulan pertama tahun 1982, iaitu dari 9.4% dalam jangka masa yang sama bagi tahun 1981 kepada 5.9% dalam masa yang sama tahun 1982. Prestasi yang baik itu mencerminkan terutamanya kelemahan kedudukan permintaan dalam negeri, harga-harga import yang rendah dan juga kesan-kesan pelbagai langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melawan inflasi. Langkah-langkah tersebut meliputi ketiga-tiga dasar iaitu fiskal, kewangan dan pentadbiran. Perkembangan yang baik ini sudah tentunya dapat menolõng mengurangkan kesan-kesan daripada kenaikan harga barang-barang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus mengawasi perkembangan harga dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu dalam usaha seterusnya untuk membendung inflasi.

Dengan langkah-langkah yang disebutkan tadi, saya percaya keadaan inflasi dijangka akan bertambah baik lagi dalam tahun 1983 ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:
Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bagi faedah kaum rakyat yang miskin apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia itu saya rasa banyak baiknya, tetapi bolehkah saya tanya sekarang dengan tindakan yang tegas dan tepat bagi membela rakyat miskin akibat kenaikan harga barang ini, berapa ramai sudah dapat dikesan atau ditangkap penjual-penjual di tanahair kita ini yang menjual kepada rakyat miskin harga dinaikkan. Bolehkah Yang Berhormat Mulia memberi penjelasan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:
Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang diketahui umum, langkah-langkah selalu diambil oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana umpamanya tidak meletakkan tanda harga bagi barang-barang di mana harganya telah pun ditetapkan oleh Kerajaan bersama dengan pihak pengeluar dan lain-lain langkah dan ini kesemuanya akan membolehkan pengguna-pengguna daripada golongan yang berpendapatan rendah mendapat bekalan pada harga yang berpatutan.

PINJAMAN KERAJAAN— KURANGAN BELANJAWAN 1983

6. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana caranya untuk menampung kekurangan yang diperlukan bagi menemui jangkakan Belanjawan 1983 sebanyak \$11,000 juta dan sebanyak manakah dari jumlah ini akan dipinjamkan dari luar negeri dan dalam negeri dan juga sila nyata berapa banyak wang kertas tambahan yang perlu dicetak.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, kurangan dalam Belanjawan 1983 seperti biasa akan dibiayai melalui pinjaman daripada pasaran dalam negeri dan juga punca-punca dari luar negeri. Setakat ini saya tidaklah dapat memberikan pecahan jumlah pinjaman mengikut punca-punca tersebut. Walau bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa menekankan pengambilan pinjaman ataupun pendapatan pinjaman daripada punca-punca dalam negeri terutama sekali punca-punca yang tidak mencetuskan inflasi atau mengakibatkan kenaikan paras harga di dalam negeri. Pinjaman daripada bank perdagangan dalam negeri akan juga diambil tetapi akan terus dihadkan kepada sejumlah yang kecil sahaja untuk membolehkan bank-bank perdagnagan tempatan memainkan peranan yang lebih penting dalam meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Pinjaman dari luar negeri akan dilakukan hanya selepas mengkaji sepenuhnya-punya punca-punca dalam negeri, iaitu apabila punca-punca yang disebutkan tadi tidak mencukupi untuk membiayai rancangan pembangunan negeri. Langkah ini diambil supaya pinjaman kita dari luar negeri khususnya daripada pasaran modal antarabangsa dapat dihadkan sekecil-kecilnya supaya kita tidak menanggung beban hutang yang besar dari luar negeri. Di samping itu langkah ini tidak akan menjejaskan imbangan pembayaran negara. Pada kesimpulannya Kerajaan akan mendapatkan pinjaman seberapa banyak yang boleh daripada punca-punca yang murah demi menjaga kepentingan negara.

KEBUDAYAAN DAN ADAT ISTIADAT BUKAN MELAYU DI UNIVERSITI

7. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan dengan pengumuman bahawa ke

semua pelajar di universiti-universiti harus melalui suatu kursus di dalam Pengajian Islam, adakah rancangan untuk memperkenalkan kursus-kursus untuk membolehkan pelajar-pelajar Islam membiasakan diri mereka terhadap kebudayaan dan adat istiadat bukan Melayu di negara ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaacob: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti-universiti tempatan memang ada menyediakan kursus-kursus mengenai kebudayaan dan adat istiadat bukan Melayu sebagai satu mata pelajaran elective atau sebagai satu kursus bagi penganugerahan ijazah tertentu. Mata pelajaran ini boleh diambil oleh pelajar-pelajar bumiputera dan juga bukan bumiputera.

PERPUSTAKAAN DI LADANG- LADANG—RANCANGAN

8. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sejauh mana ada program-program berikut dijalankan di ladang-ladang:

- (a) perpustakaan luar bandar dan jumlahnya;
- (b) pusat kanak-kanak tadika dan jumlahnya; dan
- (c) program sosial dan kebajikan seperti pemulihan dadah, kebajikan sekolah, menasihatkan keluarga dan perkhidmatan bantuan guaman.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan belum ada rancangan-rancangan khusus untuk ladang-ladang bagi mengadakan perpustakaan, pusat pendidikan

kanak-kanak, program sosial dan kebajikan seperti pemulihan dadah, kebajikan sekolah, perkhidmatan menasihatkan keluarga, perkhidmatan bantuan guaman. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan seumpama itu memang tersedia ada untuk semua golongan masyarakat termasuk pekerja-pekerja di ladang-ladang yang disediakan oleh berbagai jabatan dan agensi. Di samping itu pegawai-pegawai dari Kementerian saya semasa lawatan mereka ke ladang-ladang sentiasa menasihati dan menggalakkan tuan-tuan punyai ladang supaya menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan dan sosial untuk faedah pekerja-pekerja mereka seperti bilik-bilik dan bahan-bahan bacaan, aktiviti-aktiviti sukan, rancangan-rancangan pendidikan keluarga, tempat-tempat jagaan dan bimbingan kanak-kanak serta lain-lain.

JABATAN PARIT DAN TALIAIR— BILANGAN JURUTERA

9. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan Jurutera-jurutera yang bertugas dengan Jabatan Parit dan Taliair di seluruh Malaysia dan dari jumlah yang tersebut nyatakan bilangan Jurutera Bumiputera.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang Dipertua, jumlah bilangan Jurutera-jurutera yang bertugas dengan Jabatan Parit dan Taliair di seluruh Semenanjung ialah seramai 380 orang. Dari jumlah itu 274 orang adalah Jurutera Tetap dan 106 orang lagi adalah Jurutera Kontrak dari anak tempatan yang terdiri dari bukan pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan. Dari jumlah 274 Jurutera tetap itu seramai 97 orang Jurutera Bumiputera. Tidak ada Jurutera Bumiputera yang memegang jawatan secara kontrak.

Tuan Basharon bin Hanafiah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin tahu berapa ramai jurutera Bumiputera yang telah dilantik sebagai Pengarah atau Timbalan Pengarah Jabatan Parit dan Taliair di peringkat negeri di seluruh Malaysia, dan tolong sebut nama negeri-negeri tersebut.

Yang kedua, saya difahamkan ada pakatan sulit telah dibuat di antara jurutera-jurutera yang bukan Bumiputera yang ketua oleh Pengarah Jabatan Parit dan Taliair Malaysia supaya jurutera-jurutera Bumiputera tidak diberi peluang untuk memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Parit dan Taliair di peringkat Negeri. Sekiranya benar, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menukar Pengarah tersebut dan digantikan dengan Pengarah yang baru

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, soalan Yang Berhormat yang pertama itu saya minta notis terhadap soalan tersebut. Soalan yang kedua, pihak Kementerian tidak sedar jikalau ada sesuatu yang tertentu telah berlaku sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu betul-betul terjadi di Jabatan Parit dan Taliair ini. Pihak Kementerian akan membuat penyiasatan.

PUNCH CARD SYSTEM

11. Dato S. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sistem tanda waktu bekerja "Punch Card System" yang diamalkan di Jabatan-jabatan Kerajaan telah dapat meningkatkan kecekapan dan disiplin di kalangan kakitangan Kerajaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Punch Kad itu telah

dilancarkan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan disiplin di kalangan kakitangan pegawai-pegawai Kerajaan terutamanya dari segi berada di pejabat pada waktu yang ditetapkan.

Semenjak sistem ini dilaksanakan disiplin pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam berkenaan datang ke pejabat mengikut waktu dan tidak pulang sebelum waktunya telah bertambah baik. Untuk meningkatkan lagi kecekapan pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam memang banyak usaha yang perlu dijalankan, ini termasuklah langkah-langkah pengwujudan Etika Perkhidmatan Awam yang baru, memperbaiki sistem dan suasana kerja dan lain-lain lagi. Kerajaan sedang giat mengkaji dan melaksanakan mana-mana langkah yang sesuai dengan segera untuk mencapai tujuan mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Tan Sri Dato' Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Pada masa Indonesia dahulu berperang dengan Belanda sebelum mendapatkan kemerdekaan, jadi perhubungan baik di antara Belanda dengan Indonesia tidak tercapai. Apabila hubungan baik dibuat di antara Belanda dengan Indonesia, Kerajaan Belanda telah memberi berpuluh-puluh juta ringgit kerana mendirikan satu tempat sains penyelidikan di Jakarta. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang hendak membuat contoh macam itu daripada Jepun, kerana kita mengambil kontraktornya, mengambil teknologi dan sebagainya supaya dia memberi satu bantuan yang berpuluh juta ringgit sebagaimana Belanda buat di Jakarta.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, minta

maaf, saya kurang jelas dengan soalan pada peringkat kedua yang benda itu apa dia.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tan Sri, tolong sebutkan lagi sekali.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tidak payahlah. Saya akan beri notice.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Menteri fasal sistem waktu bekerja ini. Saya rasa memang tidak dinafikan kebbaikannya. Saya hendak bertanya satu sahaja. Adakah sistem ini masih berlaku di Kuala Lumpur sahaja ataupun di ibu-ibu negeri di Malaysia atau seluruh pejabat Kerajaan sekarang minta dijalankan. Pada pandangan saya kalau kita tuju-tujukan sahaja mengikut pentadbiran saya rasa kurang munasabah. Sebab itu saya bertanya, sudahkah Kerajaan keseluruhan jentera negara, mengikut peraturan itu.

Yang kedua, ini fasal kita pakai nama di dada, inipun satu benda baharu yang elok, siapa pakai name tag dan pergi ke tempat-tempat yang kurang bermaruah habislah, sebab itu dia berfikir dua kali, saya rasa banyak baiknya. Saya hendak bertanya nama ini juga adakah kita khusus kepada pegawai-pegawai tertinggi sahaja ataupun menerusi kesemua seluruh kakitangan Kerajaan di dalam negara kita atau hatta kepada semua pegawai-pegawai di swasta negara ini. Sebab, Tuan Yang Dipertua, pegawai swasta juga mesti tertakluk kepada pentadbiran negara, mereka juga sebagai manusia ada melakukan beberapa kesilapan sebab itu mahu taruh juga namanya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan? Saya rasa Dewan ini

sudah sunyi, Tuan Yang Dipertua, berilah panas sedikit, tolong jawab (*Ketawa*).

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, jawapan saya, saya ingat tidak boleh memamaskan Dewan. Yang pertama ialah sistem punch card ini telah pun dilaksanakan di seluruh negara dan yang kedua ialah name tag ini pun digunakan kepada semua pegawai-pegawai.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu sebagai ekoran kepada Punch Card Sistem ini. Soalnya, adakah pegawai-pegawai bekerja betul-betul, dan terbit daripada soalan ini, ada satu soalan lagi, macam mana mereka itu berada di kantin, masa di kantin dan; ekoran daripada masa di kantin ini pula, ada cadangan daripada Kerajaan pada satu masa dahulu yang terbit daripada cadangan MAMPU atau sebagainya supaya masa di kantin itu dipotong atau diberhentikan, dan sebagai gantinya diadakan budak pejabat untuk menghidangkan minuman dan snack pada pukul 11.00 kepada pegawai-pegawai. Apa telah jadi kepada cadangan itu?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, kita mengadakan sistem untuk memastikan supaya pegawai-pegawai kita dan kakitangan kita dan juga termasuklah Menteri-menteri semua supaya datang ke pejabat pada waktu pejabat bermula iaitu pukul 8.00 dengan mengadakan Sistem Punch Card ini. Tetapi masa mereka berada di pejabat kita mengharapkan mereka terus menjalankan kerja dan kita memang tidak ada kawalan hendak menentukan sama ada dia boleh keluar atau tidak boleh keluar mana-mana kakitangan dan pegawai tetapi mengikut amalan yang ada sekarang

siapa sahaja yang hendak meninggalkan pejabat adalah mesti dikehendaki memberi tahu kepada ketua—penyelianya sebelum dia meninggalkan pejabat dan dari segi itu ada pula kawalannya, hatta hendak pergi ke kantin pun semasa saya bekerja dengan Kerajaan dahulu pun sebagai pegawai kena juga beritahu di mana kita hendak pergi. Memanglah tentang peraturan kerja dalam pejabat itu ada peraturan-peraturan yang tertentu yang kebanyakannya adalah terdapat dalam Perintah Am (General Orders) dan ada di antaranya yang terdapat dalam circulars Kerajaan yang dikeluarkan dari satu masa ke satu masa berhubung dengan kawalan terhadap kelakuan-kelakuan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan itu.

Saya belumlah dapat memastikan sejauh manakah peraturan berhubung dengan penggunaan kantin itu dilaksanakan, saya memang ada mendengar perkara yang seperti Yang Berhormat sebutkan tadi tetapi oleh sebab Yang Berhormat hendak tahu apakah yang telah berlaku, sejauh manakah ia dilaksanakan, saya minta notis.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, kita semua menyetujui ada sempadan-sempada yang baik yang telah ditetapkan dengan sistem Punch Card ini. Tetapi apa yang kita musykilkan sebagaimana rakan saya Yang Berhormat bertanya tadi, didikan untuk dedikasi kepada tiap-tiap pegawai Kerajaan itu di mana kita berharap dengan adanya Sistem Punch Card ini dia datang pukul 8.00 dan balik pada waktu yang tepat dan sebagainya. Di antara ruang-ruang waktu itu kalau Ketua Jabatan tidak ada, E.O. ada tugas di luar, C.C. pula ada di kantin; di situlah kita dapati telefon-telefon bercakap dilakukan oleh pegawai-pegawai rendah, kerani-kerani dan sebagainya berlarut-larut dengan tiada sesuatu sistem untuk mengkontrol keadaan ini.

Jadi, selama manakah dan apakah ikhtiar kita yang begitu berkesan bagi memberi didikan supaya, berdedikasi, bersih itu benar-benar satu follow-up kepada Punch Card Sistem ini? Itulah yang kita hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan dalam jawapan saya yang awal tadi iaitu kalau kita hendak meningkatkan disiplin dan juga dedikasi pegawai-pegawai dan kakitangan kita, Punch Card System ini belumlah cukup. Kita kena ada lagi cara-cara yang lain, usaha-usaha yang lain yang mesti dijalankan, perlu dengan sistem punch card ini seperti yang saya katakan tadi merujukkan Etika Perkhidmatan Awam dan juga memperbaiki sistem dan suasana kerja dalam pejabat-pejabat. Pada waktu ini memang ada peraturan, kalaulah Yang Berhormat sebutkan tadi fasal penggunaan telefon ini memang ada peraturan menggunakan telefon. Kita tidak boleh menggunakan telefon untuk sendiri bercakap berjam-jam dan ini memang tidak boleh dibuat, dan ada kawalannya. Kalau kita hendak menggunakan telefon Kerajaan untuk panggilan-panggilan peribadi yang mustahak maka selalunya diminta kebenaran dan panggilan itu mesti dibayar dan tidak boleh bercakap panjang. Telefon yang ada dalam pejabat itu bukan untuk bersembang. Tetapi mungkin dalam kalangan pegawai Kerajaan dan kakitangan yang beratus ribu ramainya itu mungkin perkara ini berlaku. Maklum sahajalah dalam organisasi yang besar ini banyak orang ada dan banyak ragamnya dan saya percaya kalau kita pandang kepada keseluruhannya saya berani berkata bukanlah menjadi tabiat pegawai dan kakitangan Kerajaan menghabiskan masa dengan mereka di beri bantuan kewangan kemudahan yang diberikan yang

diletakkan di dalam pejabat untuk kepentingan diri sendiri.

PENDUDUK RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN

12. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah penduduk di rumah-rumah kebajikan di negara ini mengikut pecahan kaum. Adakah Kementerian bercadang menambahkan penduduknya dengan mengambil masuk sesiapa juga yang ingin memohon. Atas alasan apakah penduduk-penduduk diterima masuk ke rumah-rumah kebajikan itu.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, pada akhir September 1982 terdapat ada seramai 5,695 orang dalam berbagai jenis institusi kebajikan yang diselenggarakan oleh Kementerian Kebajikan Am. Mereka terdiri dari 1,978 orang Cina, 1,961 orang Melayu, 1,685 orang India dan 71 orang dari lain-lain.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya telah mencadangkan 34 buah institusi baru didirikan untuk menampung seramai 7,145 orang lagi. Projek-projek itu termasuk:

- 9 projek bagi 4,460 penagih dadah
- 13 projek bagi 1,680 orang cacat
- 4 projek bagi 600 orang tua, dan
- 8 projek bagi 405 budak-budak, wanita dan gadis untuk pemulihan akhlak.

Mengenai syarat kemasukan pula, bukan semua yang memohon dapat masuk ke institusi. Mereka yang memerlukan pertolongan itu pada mulanya dibantu dengan nasihat, bimbingan dan seliaan dan jika perlu mereka diberi bantuan kewangan serta lain-lain kemudahan menerusi

rancangan-rancangan yang sedia ada untuk kes-kes di luar institusi. Sekiranya bantuan-bantuan ini tidak juga boleh menolong, barulah pemohon itu dimasukkan ke salah satu institusi kebajikan.

Syarat masuk ke institusi kebajikan adalah berdasarkan masalah sosial yang mereka hadapi:

Kanak-kanak—mengikut Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 disebabkan penganiayaan, terlantar, dijual atau ibubapa mereka tidak dapat memberi penyaraan dan penjagaan dengan sebab-sebab tertentu.

Budak-budak di bawah umur 18 tahun—mengikut Akta Mahkamah Juvana 1947 sebagai pesalah muda, pemuda yang tidak terkawal oleh ibubapa, atau mereka yang memerlukan penjagaan dan perlindungan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri fasal penagih dadah di Rumah-rumah Kebajikan itu sebab rasa saya di sidang yang lalu Yang Berhormat Menteri mengatakan orang Melayulah yang paling banyak penagih dadah. Saya hendak bertanya, adakah benar sebagai yang saya dapat sedikit-sedikit menyiasat di belakang-belakang ada anasir yang hendak gulingkan Kerajaan dan ada anasir yang hendak menjatuhkan bangsa Melayu, mengupah orang-orang di kampung-kampung atau di bandar-bandar supaya memberi dadah dan memakan dadah. Ini, Tuan Yang Dipertua, hebat, bunyinya sedikit, apa yang terjadi di Vietnam, apa yang terjadi di lain-lain negara, runtuh satu-satu bangsa itu apabila dibiarkan menjalar bahaya-bahaya orang asing hendak menjatuhkan orang-orang Melayu di dalam negeri ini. Adakah benar ada penyiasatan Menteri, atau

kalau tidak benar bolehkah Yang Berhormat Menteri mengadakan satu kenyataan demi keselamatan bangsa dan negara kita?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya belum ada membuat penyiasatan, tetapi walau bagaimanapun syor daripada Ahli Yang Berhormat itu bolehlah saya kemukakan dalam Jawatankuasa Kabinet Anti Dadah.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam pecahan-pecahan yang disebutkan tadi termasuk dengan akhlak wanita. Di sini saya ingin bertanya berapakah jumlahnya wanita-wanita itu yang tercebur di dalam yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan di samping itu pula setelah mereka ini ditangkap ataupun diletakkan di rumah-rumah ini, bila mereka keluar nanti, apakah jaminan kepada mereka ini, dapatkah mereka kerja ataupun sebagainya?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, saya ada angka di sini dalam institusi akhlak ini sekarang ini ada seramai 1,327, tetapi ini adalah termasuk juga daripada kanak-kanak ataupun budak-budak yang nakal. Sekiranya Yang Berhormat itu berkehendakkan pecahan yang sebenar-benarnya, saya akan hantarlah kepada Yang Berhormat sendiri supaya lebih jelas.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada menyatakan ramai wanita-wanita yang sedang di dalam pemulihan akhlak itu dilamar oleh banyak pegawai-pegawai Kerajaan dan ada juga orang luar.

Setakat hari ini berapa orang yang telah dilamar (*Ketawa*).

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, saya tidak ada teringat yang saya ada membuat kenyataan bahawa wanita-wanita muda yang di institusi akhlak ini dilamar oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Apa yang saya sebutkan memang ada ramai yang dilamar tetapi yang benar-benar dapat dikahwinkan sedikit sahaja bilangannya. Sebabnya ialah ada kalanya yang memining ini hendak, yang dipinang tidak mahu; ada kalanya pula ada yang memining dengan tujuan hendak melepaskan wanita ini semata-mata untuk menjerumuskan semula.

TRAK-TRAK PEMBALAKAN— PEMBEKUAN IMPORT

13. Tuan Kenneth Kanyan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada terdapat pembekuan dalam pengimportan trak-trak pembalakan.
- (b) jika ya, sama ada beliau akan melonggarkan pembekuan ini memandangkan trak-trak pembalakan adalah peralatan yang mendatangkan hasil dan bukannya kenderaan mewah; dan
- (c) sama ada beliau akan mengambil langkah-langkah yang positif untuk mempercepatkan proses permit import bagi trak-trak pembalakan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengimportan trak-trak pembalakan adalah tertakluk kepada pelesenan import, dan peraturan ini

bukanlah satu peraturan yang baru. Kementerian saya akan menimbangkan permohonan-permohonan untuk mengimport trak-trak pembalakan dengan syarat bahawa trak-trak yang sebanding dengan yang hendak diimport itu tidak ada dipasang di dalam negara atau tidak didapati dalam pasaran tempatan langsung.

Mengenai proses bagi menimbangkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen-lesen import bagi mengimport trak-trak pembalakan itu, saya ingin menyatakan bahawa permohonan-permohonan ini adalah ditimbang oleh satu Jawatankuasa Khas di Kementerian saya.

TEMPAYAN DAN TONG AIR DI JALAN RAYA

14. Tuan M.K. Muthusamy minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah meletakkan tempayan dan penakungan tong-tong air di sepanjang Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur dan bahagian jalan raya di antara Muar dan Yong Peng yang mengancam keselamatan jalan raya dan boleh mengakibatkan kemalangan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, sememangnya Jabatan Kerjaraya amat menyesali perkara seperti ini berlaku di sepanjang jalan raya di antara Muar dan Yong Peng. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak berlaku di lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban.

Bagi makluman Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah ini adalah menjadi tanggungjawab Jabatan

Pengangkutan jalan. Walau bagaimana, pihak Jabatan Kerjaraya akan berhubung dengan penduduk-penduduk di sini dan menasihatkan mereka supaya tidak meletakkan tempayan dan tong-tong air tersebut di tempat yang boleh mengancam keselamatan jalan raya dan mengakibatkan kemalangan semasa pembahagian air dibuat.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, tong-tong air ataupun tempayan-tempayan ini ialah kerana hendak menampung air yang tidak ada di situ?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, rancangan untuk membekalkan air di kawasan ini sedang dirancang.

Timbalan Yang Dipertua Yang Berhormat Tuan M. K. Muthusamy.

Dato' Chin Kim Yoong: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 15.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

15. Dato' Chin Kim Yoong (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan dan sejauh manakah pelan jangka pendek berjalan dan jumlah peruntukan yang diberi bagi maksud ini.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai pelan-pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di Wilayah

Persekutuan. Langkah-langkah untuk melaksanakan pelan-pelan tersebut sedang berjalan dan akan terus diteruskan sehingga masalah tersebut selesai.

Sebagai langkah jangka pendek, tindakan sedang diambil untuk mempergiatkan kerja-kerja membersihkan longkang-longkang, memasang dan membesarkan 'culvert pipes', mendalam dan membesarkan longkang-longkang di tepi jalan dan membuka saluran-saluran baru laluan air, terutamanya di kawasan -kawasan yang selalu dilanda banjir kilat. Satu pasukan Petugas Khas telah juga dibentuk di Dewan Bandaraya untuk menyiasat dan mengesan kerja-kerja mencegah banjir. Sejak bulan Mei, 1982 Dewan Bandaraya telahpun membelanjakan sebanyak \$233,171 untuk projek-projek jangka pendek ini.

Serentak dengan ini, Jabatan Parit dan Taliair juga sedang mengambil tindakan segera untuk memperbaiki dan mendalamkan beberapa batang sungai seperti Sungai Kerayong dan Sungai Batu. Untuk tujuan ini, Jabatan Parit dan Taliair telah diberi peruntukan sebanyak \$5.5 juta ringgit. Sehingga akhir tahun 1982 pihak Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah membelanjakan sejumlah setengah juta ringgit. Selain daripada itu langkah penguatkuasaan undang-undang terhadap pemaju-pemaju rumah yang menjalankan projek perumahan di Wilayah Persekutuan ini juga sedang terus dijalankan.

Sebagai langkah jangka panjang pula, Dewan Bandaraya sedang merancang dan melaksanakan 17 projek-projek perparitan yang akan menelan belanja sebanyak 32.8 juta. 5 buah projek sedang dalam peringkat pembinaan, 7 buah projek dalam peringkat tawaran dan 5 buah projek lagi dalam peringkat rekabentuk.

Dewan Bandaraya juga telah memohon peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk melaksanakan 8 buah lagi projek tambahan.

Pihak Jabatan Parit dan Taliair pula sedang meneruskan pelaksanaan Projek Pengawalan Banjir Kuala Lumpur yang melibatkan pembinaan 2 buah Ampangan sungai di Sungai Batu dan Sungai Gombak dan kerja-kerja mendalam dan membesarkan Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak serta beberapa batang parit besar. Projek pembinaan Ampangan di Sungai Batu dianggarkan akan menelan belanja sebanyak 80 juta ringgit. Reka bentuk Ampangan tersebut sedang disediakan dan peruntukan untuk membinanya akan dipohon dari Kerajaan Pusat. Projek pembinaan Ampangan Sungai Gombak pula dianggarkan akan menelan belanja kira-kira 90 juta ringgit. Pada masa ini projek Ampangan Sungai Gombak ini masih lagi diperingkat kajian awal.

Hasil daripada langkah-langkah yang telah dijalankan masalah banjir di Kuala Lumpur ini sebanyak sedikit telah dapat dikurangkan. Usaha-usaha untuk mengesan keadaan banjir dan bagi mengenal pasti tindakan-tindakan selanjutnya sentiasa dijalankan.

Adalah diharapkan bahawa dengan terlaksananya projek-projek pengawalan banjir seperti yang saya sebutkan tadi masalah banjir di Kuala Lumpur ini akan dapat diatasi.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya sungguhpun saya berterima kasih banyak atas penerangan dan rancangan untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur ini, di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana banyaknya projek perumahan swasta di Kuala Lumpur ini selalu

mengakibatkan berlaku banjir, tanah runtuh dan sebagainya, dan semasa banjir air tersekat di situ dan di sini. Oleh itu, apakah tindakan Kementerian terhadap projek perumahan ini terhadap mereka sama ada dibayar gantirugi dan sebagainya atau membaiki sungai-sungai itu kerana selama hari ini rasa saya hanya Kementerian sahaja yang berusaha dan mengeluarkan duit sedangkan projek-projek pihak swasta ini mendapat keuntungan dan tidak membayar apa-apa sekalipun. Saya ingin bertanya, apakah tindakan Kementerian?

Dato' Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya terangkan tadi tindakan-tindakan telahpun diambil terhadap pemaju-pemaju perumahan ini yang membiarkan tanah-tanah runtuh itu hanyut di sungai-sungai dan mengotorkan sungai dan menyebabkan masalah banjir ini. Tindakan itu ialah pegawai-pegawai kita memeriksa tempat-tempat itu dan mengarahkan mereka supaya mengadakan satu tempat silting pond di mana tanah-tanah yang runtuh itu boleh pergi dengan tidak mengganggu lagi sangat ataupun mengalir ke dalam sungai. Sekiranya arahan-arahan ini tidak dipatuhi maka tindakan seperti menahan pembangunan itu atau projek itu dari diteruskan sedang dan akan terus diambil.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, bolehkah kita tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Dewan Bandaraya terhadap tuanpunya lombong yang ampangannya telah pecah yang mengakibatkan kawasan industri ringan di Segambut itu walaupun kita telah lihat musim banjir telah berlalu, musim panas telah tiba, tetapi lodak menenggelami jalan raya dan longkang-longkang di kawasan industri di Segambut nampaknya tidak

diendahkan langsung, sangat kotor dan kenderaan-kenderaan ringan langsung tidak boleh menggunakan jalan raya itu sekarang untuk berurus niaga di kawasan itu. Apakah tindakan yang sedang dan telah diambil kepada tuanpunya lombong di mana empangannya telah pecah mengakibatkan kawasan Segambut itu menjadi buruk seperti keadaan yang demikian sekarang ini.

Dato Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang Dipertua, tindakan-tindakan yang sedang kita ambil terhadap pemaju-pemaju perumahan, tindakan-tindakan yang sama juga kita ambil terhadap mereka iaitu tuanpunya lombong ini. Kita juga menghendaki mereka ini mengikuti peraturan-peraturan supaya mencegah daripada tanah-tanah dalam lombong itu masuk ke sungai-sungai antaranya menyebabkan sebagai salah satu sebab yang menyebabkan keadaan banjir. Oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat itu sangat spesifik, saya minta notis supaya dapat saya memberitahu tindakan-tindakan yang selanjutnya, yang sebenarnya yang telah diambil terhadap yang berkenaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang”. (7hb Januari, 1983).

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Abdullah.

3.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, Universiti Islam Antarabangsa, sambungan ucapan saya semalam, saya tidak akan mengulang apa yang sudah disebut dahulu, saya hendak sambung yang belum.

Saya ada menyebut demi maruah Malaysia 51% sekurang-kurangnya permodalan umpamanya universiti besar yang paling berpengaruh dalam dunia yang belum pernah diadakan ini mestilah dibiayai oleh Malaysia sendiri. Saya tentulah jangan orang kata pukul gendang tak tahu tari maka saya hendak sebut bagaimana kita harus menyediakan 51% bagi keagungan dan keutuhan universiti yang demikian. Saya maksudkan jiran saya, sebab seluruh negeri—13 buah negeri dalam Malaysia harus berkorban, harus berani bersama-sama bekerjasama menegakkan syiar Islam yang tidak ada bandingnya dalam kurun yang kedua puluh ini dan mungkin di seluruh dunia selagi dunia Islam belum kiamat.

Tiap-tiap negeri dalam Malaysia harus bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, senang sahaja tiap-tiap negeri hendaklah memberikan sekurang-kurangnya 1,000 ekar tanah untuk sumbangan universiti ini dan negeri yang bertanggungjawab yang mahukan universiti dalam negeri itu dia mesti menderma 3,000 ekar tanah demi keutuhan membiayai Universiti Islam Antarabangsa yang paling besar di dalam dunia ini yang saya rasa yang mengikuti Islam ini. Mungkin ada negeri kecil seperti Melaka atau Negeri Sembilan atau Pulau Pinang agaknya boleh diberi separuh—500 ekar. Jikalau hendak, jalan terbuka, bertentanganlah dengan Quran, Allah s.w.t. berfirman sendiri—Kalau kita mahu mengubah nasib kita hendaklah perubahan, hendaklah kita berani

membuat perubahan. Kalau negeri-negeri dalam Malaysia tidak berani membuat perubahan, mahu nama gah, mahu ditengok oleh seluruh bangsa dalam dunia khususnya bangsa-bangsa Islam dalam dunia Malaysia, begitu besar, isi tak ada. Ini tidak patut di zaman abad yang dikatakan modern sekarang ini kita berbuat demikian.

Tuan Yang Dipertua, saya mengesyorkan kepada Kabinet dan Kerajaan supaya membuat satu peraturan mendapatkan tanah bantuan daripada tiap-tiap negeri, sebab Kerajaan Pusat mana dia hendak ambil wang ini. Pinjam, pinjam, pinjam, tak usah pinjam, kita sendiri ada. Kalau kita boleh memberi secara individu, tiap-tiap negeri 1,000 ekar, 2,000 ekar untuk lombong, untuk tanah, kayu balak, mengapa kita tidak boleh memberi kerana menegakkan Islam di dalam dunia ini supaya menyelamatkan manusia di dalam dunia ini—Islam atau kafir semua selamat. Inilah yang kita kaji.

Tuan Yang Dipertua, sebab itu kita mahu 51%, saya ingatkan lagi kalau Kerajaan tidak mengambil 51% adalah dayus bagi negara kita, anak-cucu kita akan datang menengok satu bangunan yang besar dalam negeri ini, tetapi dia dapat bungkusan bukan isi, mereka akan mencemohkan kita. Mereka mengatakan apalah ini bukan kita punya, orang punya, tidak bolehkah sedaya-upaya mendirikan yang kita punya, sekurang-kurangnya 51% sebagaimana saya katakan universiti ini mestilah di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bukan di bawah kiblāt di luar negeri, walau negeri itu kaya minyak dan walau apa sekalipun.

Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf, saya mengulangi balik, negeri ini bernasib baik, sebab semua ahli dalam Semenanjung mahu dalam

negerinya universiti ini didirikan. Saya mewakili negeri Perak, saya berani mengatakan 3,000 ekar akan diberi kalau hendak buat universiti dalam negeri Perak. Apa sebab negeri-negeri yang dipilih tidak boleh memberi 3,000 ekar, berkorban, fisaillah, kita menegakkan syiar Islam yang tidak ada bandingannya dalam hayat kita semasa sekarang. Saya tidak ada prangsangka di mana negeri pun, di mana pun dirikanlah universiti sebab semuanya negeri kita.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang kedua, saya amat menyesali sedikit iaitu saya selalu bercakap di Dewan ini, tahun lalu, tiap-tiap Menteri hendak mengusulkan satu-satu perkara yang penting—perkara-perkara yang penting macam ini—dia haruslah membuat satu risalah kecil yang mengutarakan semua teras, isi panduan yang sebenar supaya sekurang-kurangnya Ahli-ahli Parlimen ini dapat satu kenyataan untuk membahaskan perkara ini. Jadi seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak memberi ucapan dibuat satu naskah, jadi itu satu panduan kalau kita hendak bahas, kita dapat panduan, tetapi ini yang saya pandang dalam hayat saya dan hayat Tuan Yang Dipertua belum ada pernah satu perkara besar yang detik-detik sejarah, yang amat besar kita lakukan, tidak ada naskah, hatta Ahli Parlimen tidak dapat diberi satu naskah walau apa sahaja naskah. Saya tahu dalam perkara ini kita memberi ucapan tahniah, sejambak bunga kepada Y.A.B. Perdana Menteri. Saya mengetahui sewaktu beliau menjadi Menteri Pelajaran, beliau telah mengambil daya utama hendak mendirikan Universiti Islam sedunia ini dan dia mengambil inisiatif yang paling berguna dengan tidak mahu menyebut nama.

Saya tahu tiga Persidangan Islam Antarabangsa telah diadakan, tetapi satu perkara pun kita tidak dapat

seperti naskah yang disampaikan kepada Ahli Parlimen. Saya pandang Ahli Parlimen adalah paling penting dalam negara ini yang hendak membahaskan dan mengambil keputusan demi keutuhan dan kebaikan rakyat seluruhnya, tetapi tidak usahalah saya ulang. Saya harap tiap-tiap Menteri yang akan datang, dalam perkara-perkara yang besar dalam Kementeriannya hendaklah sebelum dibawa dalam Parlimen ini, buat satu naskah teras dan isi yang penting bagi pengetahuan dahulu kepada Ahli-ahli Parlimen ini, kadangkala saya bercakap di luar daripada apa yang dikehendaki yang sebenar oleh Menteri. Apa yang saya kata, misalannya, di Persidangan Antarabangsa Dalam, khusus negara Islam dalam dunia yang pertama rasa saya diadakan di Makatulmukaramah, yang kedua saya rasa diadakan di Dacca, Bangladesh yang ketiga kalau tidak salah di Jakarta, Indonesia. Kalaulah boleh apa yang dibincangkan khusus bagi Universiti Islam Antarabangsa ini dapat sedikit catatan yang amat berguna, itu rasa saya tentulah memberi banyak guna kita bahaskan supaya betul-betul menterasi tujuan ini untuk 100 tahun atau 1,000 tahun dan untuk dunia sampai yaumul-kiamat, sampai Malaikat Israfil meniup angin sangkakala, pentingnya perkara yang sedemikian.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh prinsip pendidikan dalam Universiti Islam sedunia apa dia? Kurikulum universiti, Universiti Islam sedunia, encyclopaedia, perbendaharaan ilmu, buku-buku Islam sedunia yang akan datang bagaimana dia, misalannya. Saya tahu ketiga-tiga perkara ini telah pun dibahaskan oleh pakar-pakar antarabangsa, negara Islam di negeri seperti yang saya sebutkan tadi Dacca dan di Jakarta dan Makatulmukaramah, tetapi kita malangnya tidak tahu apa itu. Saya

harap Yang Berhormat Menteri dalam jawapan yang akan datang memberi jawapan yang menterasi benar-benar dalam perkara-perkara ini bagi pengetahuan kita.

Nombor satu, saya hendak dengar bagaimanakah perbendaharaan ilmu encyclopaedia Islam yang akan membanjiri dalam Universiti Islam Antarabangsa yang maha penting, yang mengikut kitabullah, Al-Quran Nulkarim itu, Tuan Yang Dipertua. Jadi yang kedua saya harap dapat penjelasan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan benar-benar menerangkan seperti saya sebutkan ini.

Yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, ini sambungan yang telah lalu, maknanya yang ketujuh sekarang. Nama Universiti Islam Antarabangsa ini saya rasa sebagai yang disusulkan Universiti Islam Antarabangsa, itu satu nama, pada pandangan saya sebagai rakyat Malaysia, sebagai rakyat orang kerdil yang sama menentang penjajahan, yang sama menentang Malayan Union bersama-sama Dato Onn di Kuala Kangsar, tidak payah disebut, ini bukan membangga, ini hanya orang kerdil. Saya rasa mahu nama ini dinamakan dengan nama Malaysia, namakan universiti itu dalam Bahasa Malaysia. Kalau kita mengikut misalannya, satu negara Islam, universiti yang tertua, katalah, di Cairo ada Universiti Al-Azhar yang telah ada ribuan tahun ini dinamakan mengikut nama yang dipersuakan dengan negerinya. Kalau di England sudah ratusan tahun, hampir 1,000 tahun ada Cambridge University atau Oxford University yang mana kita sebahagiannya telah sampai di sana. Ini bukan meniru Islam, tetapi apa yang baik memang disuruh ikut oleh Islam, sebab itu Nabi Muhammad s.w.t. kata masa zamannya pergilah ke negeri China, belajar bahasa China pun boleh,

pengetahuan China boleh belajar, maknanya Islam tidak kira asalkan benda baik, pelajaran baik disuruh dalam Islam. Jadi Cambridge University atau Oxford University semuanya satu nama, mahu menggambarkan nama universiti yang akan dibuat di tanahair kita ini ambil dalam bahasa kita sendiri.

Sebagaimana yang saya kata tadi bukan untuk kita, bukan untuk 100 tahun, beribu tahun akan datang untuk anak-cucu, sebab semua orang dalam Dewan ini sudah mati belaka, maaf saya kata dalam masa 1,000 tahun siapa yang ada lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak ada lagi, selama-lamanya hidup 30 atau 40 tahun, tak usahkan puluh ribu tahun. Jadi pada masa itu kalau kita namakan apa juga satu pembangunan besar-besaran, satu kebajikan, satu sejarah dalam negeri ini yang menghinakan bahasa kita sendiri, menghina identiti sendiri, sesungguhnya kita akan dicemooh dan akan dimurahhargakan oleh keturunan kita akan datang. Oleh sebab itu, saya bercadang satu nama yang amat sesuai yang harus difikirkan oleh pakar-pakar yang akan memberi nama universiti. Saya takut kalau saya menaruh nama saya akan digelakkan, tetapi kalau saya misalkan Nekat Universiti Islam yang merangkumi jihat, merangkumi disiplin, tidak putus asa, ke hadapan, tidak pandang ke belakang, orang percaya keutuhan Islam, yang tidak berpantang mati sebelum ajal, walau satu saat, satu second, kalau tidak diizinkan oleh Allah kita tidak mati. Jadi satu contoh, Tuan Yang Dipertua, nekad universiti, kalau hendak sambung Kuala Lumpur pun boleh, kalau tidak pun biarlah ikut ketua pakar nekad Universiti Islam pun boleh ataupun carilah nama yang boleh sesuai yang tidak luntur dalam agama, dalam kebudayaan, dalam kenyataan Islam yang sejati.

Ada sahabat-sahabat saya menonjolkan Nurul Islam Universiti, Nurul-Huda Universiti, Universiti Islam Sedunia, Universiti Islam Antarabangsa, ada kawan-kawan saya yang cenderung Universiti ini termasuk professor tetapi saya mahu satu nama yang tidak luntur sehingga hari kiamat mengagungkan sebenar-benar Islam dibangunkan dalam erti kata yang sebenar, nama, Tuan Yang Dipertua. Saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil ingatan.

Ini ada satu perkara yang rasa saya besar yang harus difikirkan, yakni negara-negara Islam yang kaya, Saudi Arabia, ada negara-negara minyak yang lain, berpuluh yang kaya yang menawarkan, yang sudahpun menawarkan bantuan dan kita menerima dengan tangan terbuka dan bersyukur yang tidak terhingga. Bagaimana kita mahu terima wang ini, adakah kita hendak beri permodalan tersebut umpamanya universiti ini atas nama wang untuk dermakan ini ataupun dengan kebijaksanaan pakar universiti yang memandang jauh ke depan. Kepada saya berapa banyak derma ini memang kita berkehendak tetapi meletakkan derma ini bagaimana mestilah kita menghayati dalam erti kata yang pandang jauh, pandang luas dan pandang masa yang beribu tahun depan, bukan masa kita hendak pilihanraya ataupun hendak memilih rakyat suruh pilih aku—tidak, ini yang sebenarnya kita menelani mengatasi segala zaman. Sebab itu fikiran saya secepat lalu fasal pendermaan daripada negara-negara Islam di atas Universiti Islam Antarabangsa ini rasa saya tidaklah jauh, kalau boleh kita adakan fakulti-fakulti dalam itu, Fakulti Undang-undang, Fakulti Kedokteran, mungkin akan datang masa pertama ini satu atau dua Fakulti sahaja, Undang-undang dan lain-lain tetapi kita mesti, di seluruh fakulti dalam dunia kita ada

kedokteran, engineer, barangkali juga sampai fakulti menghayati keselamatan Islam, barangkali kita mengadakan Fakulti Ketenteraan dalam Islam, disiplin Islam sebagai ditunjukkan oleh Alyubi, masa perang menunjukkan dunia Islam begitu tinggi, perang pun ada pengetahuan kita dan ada petunjuk kita kepada dunia keseluruhannya. Dia suruh musuh yang sakit itu rihat dahulu, jangan perang, dan dia menawarkan sendiri doktor pergi mengubat General atau kepala musuh itu, begitu tinggi. Jadi kepada saya Universiti Islam akan datang mencangkumi dalam semua ilmu pengetahuan, apa lagi demi keselamatan negara-negara Islam seluruh dunia, jangan macam sekarang, satu bangsa yang kecil boleh mengegarkan 30-40 negara Islam yang besar, yang kaya raya boleh digegar dan boleh ditakluk satu bangsa yang kecil. Ini sudah perlu bagi kita menghayati universiti kita ini. Mungkin juga perkara yang paling penting, yakni kita mengingati ketenteraan dan keselamatan, sebab dua ini tidak akan selamat mana-mana pembangunan dalam dunia ini kalau tidak ada pembangunan dalam ekonomi tetapi kalau tidak dirangkumi keselamatan negara. Sebab itu pada saya mungkin fakulti-fakulti Islam yang akan datang harus juga jangan dilupakan demi keselamatan Islam dan pembangunan-pembangunan yang akan datang, mungkin diadakan juga satu Fakulti Ketenteraan dalam Islam.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, semua biaya-biaya daripada negara-negara Islam ini kita terima seberapa besar pun tetapi rasa saya disalurkan dalam perkara-perkara yang munasabah yang dia sendiri puas hati, macam diturunkan Allah embun dari langit, memberi guna kepada yang menerima dan memberi erti kepada yang memberi. Jadi rasa saya Fakulti Undang-undang misalnya diberi kepada Cairo, beri Negeri Mesir

berapa fakulti dia biaya, berapa milion, kemudian dengan buku-bukunya, encyclopaedia Islam kita beri dia, berapa milion dia hendak. Misalnya satu lagi dalam jurutera berikan Kuwait, ada 1 bilion misalnya untuk Universiti Islam kita berikan dalam engineer yang boleh mengikuti dalam semua kepandaian-kepandaian engineer seluruh dunia ini mengikut Islam lebih tinggi daripada itu. Begitulah dalam beberapa fakulti-fakulti yang penting yang tidak akan tinggal dalam satu perkara pun.

Jadi inilah yang saya gambarkan supaya semua sumbangan itu tidak dikatakan membuat bangunan Islam itu daripada lain, malu kita. Sebagaimana kata Perdana Menteri kita Kerajaan kita harus jaga maruah Malaysia, sebab itu 51% dan universiti tidak boleh lain di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, maknanya maruah kita. Kalau kita bungkus sahaja besar dan kita tidak ikuti dengan isi—memalukan, Islam pun tidak suruh begitu. Islam sebenarnya mengatakan tak usah bercakap banyak tetapi bukti yang mesti banyak. Sebab itu saya ulang balik, bukti Malaysia 1,000 ekar, negeri yang kecil 500 ekar, kita sekurang-kurangnya 10,000 ekar, terpulanglah kepada pakar-pakar ekonomi kita hendak buat firmakah, hendak buat lombong yang paling besarkah, hendak buat kayu-kayan yang mendatangkan faedah, terpulang kepada pakar ekonomi negeri kita ini. Sebab itu maknanya kita ada wang kita mampu Universiti Islam dilahirkan dengan ertikata yang sebenar, bukan kita buat teori bungkus besar dari isinya.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa perkara-perkara penting yang macam ini saya sudah ikuti, nama sudah, kewangan sudah, kemudian ada lagi

satu, ini fasal pilihan pakar-pakar ilmu. Ada orang sangat mengkagumi pakar-pakar ilmu daripada Cairo, ada orang sangat mengkagumi daripada tempat bekas Tuan Speaker kita belajar di Beirut, bukan Tuan Speaker ini, iaitu mertua Tun Razak, mengkagum universiti itu atau pensyarahnya, kepada saya tidak, sebab dalam Islam ini. . . .

Timbalan Yang Dipertua: Di Beirut?

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ya, di Beirut. Sebab dalam Islam kita ini, Tuan Yang Dipertua, Tuhan telah memberi satu contoh yang amat besar yang jarang orang ingat, ia memberi pemimpin pun 25 sahaja Rasul, tidak 250, tidak 2,500, sudahpun 25 habis, Nabi Muhammad s.a.w. tak ada ganti lagi sebab Kitabnya itu merangkumi semua hukum hakam, semua kebaikan, inilah kita hendak buat ini, tak ada apa yang susahya.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pakar-pakar pensyarah ini tadi, saya usulkan semua Vice-Chancellor kelima-lima universiti dalam negeri kita ini, semua pakar-pakar tertentu dalam kelima-lima buah universiti ini diambil dalam Jawatankuasa ini. Kita percaya semua hendak ambil orang luar, macam kita selalu hendak ambil pakar membuat pelabuhan di Kuantan pun ambil orang luar, pakar hendak buat kapal terbang berapa rugi ambil orang luar, semua ambil orang luar, tak adakah pakar kita? Sekarang pakar kita banyak buat apa? Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri ambil pakar-pakar universiti kita ini menjadi Jemaah Jawatankuasa dalam universiti Islam Antarabangsa yang akan datang sebab orang yang memandang tidak sama dengan orang yang memikul, sebab itu kita mesti yakin, kita yang pikul kita buat, kita percaya diri kita. Apa yang tak boleh kita buat macam inilah, kita pandang Timur, pandang

Jepun, kita boleh tiru mereka sedikit. Ini esok sekurang-kurangnya kita hanar Beirutkah kita pun pergi tengok ada banyak kekurangannya. Kalau sudah ada misalnya untuk mati sahaja, dunia hendak tinggal sahaja, rasa kita Islam tidak begitu, bagi Islam, dunia pun selamat, akhirat pun selamat. Kalau sudah dunia pun tak selamat, hendak pergi akhirat sahaja, apa jalannya hendak selamat Islam macam itu.

Jadi tidak usah saya hendak berkata banyak dalam perkara ini, memilih pakar-pakar universiti kita akan datang baik dalam melaksanakan beberapa perkara terpenting walaupun begitu besar, begitu agung, pilih orang kita yang tersebut ini, pakar-pakar dalam negeri kita sendiri. Pengalaman mereka, kita tidak lama universiti kita dalam Malaysia tetapi saya yakin Professor-professor dalam negeri kita banyak juga mempunyai pengalaman, banyak juga buku-buku Islam yang dibaca oleh mereka. Kepada saya, Professor-professor apa juga pada fahaman saya tidak meliputi semua ilmu. Kalau dia doktor, dia doktor sahaja, dia tidak boleh mengakui; "Akulah yang paling handal dalam dunia." Saya beri contoh seperti Professor Ungku Aziz, dia pakar dalam ekonomi sahaja, kalau suruh dia buat basikal pun tidak tahu. Jadi kepada saya walaupun dia professor, doktor atau mempunyai apa pun ijazah yang panjang-panjang sama sahaja, dia tahu banyak dalam itu tetapi banyak yang dia tidak tahu sebagaimana kata Imam Ghazali: Lagi banyak yang aku baca, lagi banyak timbunan kitab yang aku selidik, rupanya lagi banyak yang aku tidak tahu.

Jadi kalau ada Professor-professor atau orang-orang profession dalam Dewan, ada juga ahli kadang-kadang yang menunjukkan handal, maaf saya

cakap, Tuan Yang Dipertua, bukannya pandai sangat, pandai sedikit had itu sahaja, banyak lain yang tidak tahu. Saya bukanlah hendak merendahkan tetapi saya hendak ingatkan kebesaran jiwa, keyakinan keimanan dalam dada kita, untuk menyakinkan kita, percaya kepada diri kita sendiri, percaya kepada seorang yang kita lakukan sendiri, jangan kita percaya kepada orang lain iaitu ambil Professor kita, ambil pakar-pakar ini sama, kalau tidak dapat dalam Jawatan besar Jawatankuasa kecil, Jawatankuasa yang tertentu-ambil. Saya tidak dapat nafikan macam misalnya Fakulti Undang-undang Islam kita di Universiti Malaya, Professor Ahmad Ibrahim saya tidak dapat nafikan dia itu kuat tetapi kadang-kadang sebagaimana kata Hamka: Seorang yang begitu besar alimnya, yang begitu melaut ilmu di dalamnya, dia tidak membesarkan diri, tidak bercakap banyak, tidak menonjol, dia tinggal macam itu sahaja, tetapi jauh lagi mengenal maknikam. Orang yang pandai dia mengenai walaupun dia tidak pukul canang, Professor Ahmad Ibrahim adalah seorang yang pandai orangnya, dia seorang kita tunjuk seorang ahli undang-undang yang mengetahui selok-belok Islam, tidak dapat dinafikan. Saya tunjuk contoh misalnya seorang daripadanya dalam pengalaman Ungku Aziz tidak boleh dinafikan dia sangat berguna di dalam Universiti Islam yang akan datang. Begitu juga Naib Canselor yang lain, pakar-pakar, Professor-professor Universiti dalam negeri kita ini daripada bangsa kita sendiri dan kepada bangsa rakyat kita sendiri juga.

Saya rasa cukuplah apa yang saya katakan ini, Tuan Yang Dipertua, barangkali sahabat saya akan menyambung. Saya hendak mengulangi balik yang sebenarnya kita semua bersyukur, rasa saya

sesaklah nafas kita memperkatakan ini, yakni keislaman kita datangnya ke negara kita ini satu saat, satu simbol yang tidak ada tolok banding dalam dunia ini iaitu mendirikan satu universiti yang agung, yang mencerminkan kebesaran Islam bagi menyelamatkan dunia dan menyelamatkan semua manusia, pokok-pokok, binatang, tumbuhan apa sahaja itu diselamatkan. Saya hendak beritahu kepada sahabat-sahabat saya yang bukan Islam janganlah kata hendak buat diam sahaja, aku neutral, apa ini Islam—jangan. Tuan-tuan juga selamat apabila Islam dijalankan dengan sebenar-benarnya dalam ertikata, manusia-manusia, binatang-binatang, pokok-pokok apa semua pun mendapat rahmat sebab tidak ada aniaya di dalam Islam. Sebagai saya kata pandang Nabi kita dalam peperangan menunjukkan kesan Islam yang paling tinggi, yang paling berperikemanusiaan. Bukan manusia datang selain daripada Nabi kita Nabi Muhammad, sebagaimana katanya: Hai saudara-saudara, orang yang kalah dalam perang, musuh kamu sendiri pun akan mengatakan kalau dia sudah surrender, angkat tangan, jangan aniayakan, tolong dia ambil balik; perempuan, kanak-kanak lari dalam gereja, lari dalam sekolah, lari daripada barisan jangan kamu bunuh. Ini saya hendak beritahu kepada orang yang bukan Islam. Ini yang dikehendaki di dalam Islam, selamatkan dia, jangan buat aniaya. Pokok tamar yang banyak itu jangan ditakuk-takuk, ditakik-takik. Ada juga orang kita ini macam itu; pokok rambutan, pokok nangka dibawa ke Golok sengaja ditakik-takik. Dia kata takkan pokok tahu sakit. Tetapi Islam tegas Nabi kita menunjukkan jangan dianiayai pokok itu. Binatang begitu juga, jangan dianiayai, kalau dia perlukan air, hendak minum kerana dahaga, tanggal kasut beri dia minum air. Kalau dia sakit, bawa kepada Doktor Haiwan, tolong dia. Inilah

Islam, peri kemanusiaan itu tidak ada tolok bandingnya bagi keselamatan manusia dan alam ini. Sebab itu kepada sahabat saya jangan neutral, apa yang baik walau apa agama atau apa bangsa pun, apatah lagi duduk di bumi nyata, langit yang kita sama-sama junjung, mestilah kita menunjukkan berani kepada perkara yang benar dan baik.

Saya yakin sahabat-sahabat saya yang bukan Islam dalam negeri ini terutama Ahli-ahli Parlimen ini, kita semuanya tidak ada seorang pun akan menentang bahkan menyokong demi kebaikan dan keselamatan semua bangsa khususnya dalam negara kita ini. Sebab itu perlulah kita alu-alukan dan saya berterima kasih sekali lagi dan adalah penghargaan Parlimen rasa saya yang harus dicatatkan sebab kita lama ada Parlimen dalam Malaysia ini, dengan jasa Perdana Menteri kita yang radikal dan berani dan memandang jauh, dialah yang mengurus, dialah yang ulung sebelum persidangan di mana-mana lagi yang telah membawa usul ini secara berani tetapi tidak memberikan nama, menggembar-gemburkan sehingga benar-benar kenyataan baru disebutkan di sini. Sebab itu di persidangan di Mekah, di Persidangan Islam Antarabangsa di Bangladesh dan di Persidangan negara-negara Islam di Jakarta yang menganalisa buku-buku Ensiklopedia Islam dalam dunia yang akan datang dan yang telah lalu. Jadi kita rakamkan dalam Dewan yang mulia ini syukur kita kepada Allah terutama kepada Perdana Menteri kita yang telah mengambil satu langkah sejarah menegakkan Islam, yang paling berani, seorang anak Islam dalam dunia yang paling berani menegakkan satu universiti demi keselamatan seluruh umat Islam khususnya dan seluruh umat manusia dalam dunia ini. Sebab itu saya menyokong sepenuhnya Universiti Islam Antarabangsa diadakan di negeri kita.

3.57 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:

Tuan Yang Dipertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain berdiri untuk menyokong satu Rang Undang-undang yang dinamakan Suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.

Pada mulanya di Dewan yang tinggi dan mulia ini sukalah saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran yang dengan kerana Allah jua telah berjaya membentangkan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 bagi tujuan untuk membolehkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa diwujudkan di negara kita ini. Dengan pembentangan pindaan Akta ini, maka tahun 1982 dan di hari ini sudah tahun 1983 kita berada, negara kita telah berjaya melakukan dua gagasan yang besar yang menjadi catatan sejarah bukan sahaja kepada negara Malaysia yang kita cintai ini tetapi juga di seluruh negara-negara Islam di dunia dan juga umat Islam sejagat.

Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan khususnya pada Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri yang telah mengambil daya usaha utama ke arah menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa ini. Sebagaimana kita semua maklum bahawa persidangan Islam Antarabangsa di Lahore dalam tahun 1976 dahulu, satu keputusan telah dicapai untuk menubuhkan Pusat Pengajian Tinggi di kawasan benua Afrika. Di sini timbul persoalan, apakah Pusat Pengajian yang seumpama itu patut ditubuhkan di rantau Asia ini? Pada masa itu tiada siapa pun yang berani tampil ke hadapan untuk mempelupori rancangan itu hinggalah baru sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tampil membuat

keputusan mengenainya selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk menyerap nilai Islam bagi kepentingan bersama.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin menegaskan bahawa pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti pada 1982/1983 ini mestilah tepat, tegas dan khusus untuk mengadakan sebuah Universiti Islam Antarabangsa sahaja dan secara sungguh-sungguh adalah diharapkan tidak lebih dari itu. Ertinya, pindaan ini bukanlah bertujuan untuk menghalalkan mana-mana pihak swasta ataupun membuka pintu kepada mana-mana pihak untuk menubuhkan universiti mereka secara persendirian tetapi hendaklah dengan tegasnya bagi tujuan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa itu sahaja sendiri.

Tuan Yang Dipertua, kita bimbang dan merasakan kebimbangan dengan pindaan Akta ini ada pihak-pihak atau swasta-swasta akan mengambil peluang hendak membuka universiti-universiti lain ataupun dengan diberi nama Universiti Islam II, kerana jika berlaku keadaan demikian, sudah tentu satu projek yang baik, satu projek yang telah dicadangkan ini akan tidak dapat tepat yang sempurna.

Saya suka meminta atau merayu kepada Menteri Pelajaran, selepas daripada Dewan yang mulia ini meluluskan Akta Pindaan ini, perkara penubuhan Universiti Kolej atau Universiti Islam Antarabangsa ini mestilah diberi penerangan seluas-luasnya khusus kepada rakyat Malaysia sendiri terutama sekali masyarakat Islam, yang kedua kepada negara-negara di mana ada penuntut-penuntut kita belajar di luar-luar negeri.

Saya masih teringat semasa saya berada di Tanah Suci, saya sempat bergaul dengan pelajar-pelajar kita

yang Kerajaan kita telah memberi scholarship, memberi bantuan, menghantar mereka pergi belajar di sana. Apa yang dicakapkan di sana seolah-olah Kerajaan yang memerintah pada hari ini atau parti yang memerintah pada hari ini tidak langsung mempedulikan hal agama Islam. Inilah jarum, inilah dakyah yang dibawa oleh rakyat kita ke luar negeri dengan tujuan supaya penuntut-penuntut kita di sana menghebah kepada rakan-rakannya di sana memburuk-burukkan nama baik Kerajaan kita.

Sebagaimana saya berucap dalam masa saya menyokong penubuhan Rang Undang-undang Bank Islam baru-baru ini, saya juga berkata ini satu dua perkara yang sudah dibuat dan saya katakan tadi, dalam ucapan saya dalam tahun 1982/1983 ini bukan sahaja Bank Islam tetapi barangkali hari ini ataupun esok Dewan Negara ini akan meluluskan satu pindaan Akta Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa. Bagaimana usaha Kerajaan kita yang ada pada hari ini hendak membawa umat Islam khususnya kepada apa yang dikehendaki oleh Islam dalam beberapa perkara. Keadaan ini saya sekali lagi minta kepada Kementerian Pelajaran supaya memberi sejelas-jelas penerangan dan seelok-eloknya di sekolah-sekolah atau di universiti-universiti tempatan kalau mempunyai peluang berilah Timbalan-timbalan Menteri kita menerangkan dengan sejelas-jelasnya akan tujuan dan hasrat Kerajaan hendak menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa ini supaya mereka itu faham benar-benar dan dengan harapan kita kalau adapun musuh kita, musuh Kerajaan atau parti-parti Pembangkang yang tidak bertanggungjawab akan membawa isu-isu dalam soal ini dapatlah barangkali pelajar-pelajar itu menolak setelah mereka diberi fahaman dengan sebaik-baiknya.

Di negara kita ini universiti adalah punca yang tinggi dari segi pendidikan kebangsaan dan sistem pendidikan itu penting bagi menilai negara untuk mewujudkan satu rupa bangsa Malaysia yang bersatu padu. Oleh itu pindaan Akta ini seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran mestilah menjamin akan tidak terbuka pintu yang luas bagi membolehkan lain-lain universiti swasta sebagaimana yang saya katakan tadi

Kita tidak mahu melihat satu sistem pelajaran asing dalam negara ini yang menjadi duri dalam daging untuk menggugat dan melemahkan negara kita, bagi mewujudkan Rukunegara kita Malaysia yang bersatu padu dan Universiti Islam Antarabangsa sudah tentu tidak menjadi penghalang kerana matlamat Kerajaan kita ataupun matlamat penubuhan universiti ini adalah satu perkara yang baik. Dalam penubuhan dan pelaksanaan Universiti Islam Antarabangsa ini, saya ingin mengingatkan supaya kita tidak disalah mengertikan oleh mana-mana pihak dan kita tidak dituduh atau diambil kesempatan oleh mana-mana pihak bagi merosakkan niat Kerajaan kita yang baik.

Saya sekali lagi menegaskan, walaupun sahabat saya telah minta Universiti Islam Antarabangsa ini diwujudkan atau dibuka di negeri Pahang saya tidak menentang, tetapi kalau boleh saya pun hendak juga bawa ke Kelantan tetapi saya tidak menentangleh ini terpulanglah kepada Kerajaan. Tetapi apa yang harus Kerajaan memikirkan sedalam-dalamnya benda ini ialah supaya sebuah Universiti Islam Antarabangsa seperti itu terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia ini. Carilah di mana kawasan pun, sebab saya katakan saya tidak menentang kalau di negeri Pahang pun tidak apa sebab

Pahang dan Kelantan itu pun tidak berapa jauh, kalau hendak dikirakan kawasan atau zon, dikira zon timur, kawasan pantai timur, tidak jauh. Tetapi Kerajaan harus memikirkan mesti meletakkan sebuah universiti seperti itu di tengah-tengah Semenanjung Malaysia ini. Kerana dari situ memberi satu peluang yang baik kepada penuntut-penuntut kita sendiri yang datang dari seluruh negara yang boleh jadi akan masuk ke universiti itu dan juga walaupun ada penuntut-penuntut daripada luar negeri kita memberi suatu kesenangan juga kepada mereka mengetahui, inilah negara Malaysia dan universiti seperti ini diletakkan di tengah-tengahnya. Kalau hendak dikirakan, kalau Kerajaan hendak diambil kirakan sedikit dari segi politik, sepatutnyalah Universiti Islam Antarabangsa ini diletakkan walaupun tidak di tengah-tengah ataupun di dalam negeri yang kuat pengaruh parti Pembangkang saya sebut terus terang di dalam Dewan yang mulia ini iaitu Parti PAS tetapi biarlah jangan jauh sangat supaya memudahkan orang-orang yang menentang Kerajaan hari ini dibawa dari masa ke semasa melihat dengan mata kepala mereka sendiri bahawa inilah hasil ciptaan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Jadi, supaya mereka ini dari masa ke semasa mendatangkan keinsafan tidak lagi menyokong atau menurut hawa nafsu yang ganas seperti yang telah berlaku pada masa yang sudah-sudah.

Umpamanya, saya katakan tadi, kalaulah umpamanya negeri Johor, negeri Dato' Timbalan Yang Dipertua, tetapi oleh sebab parti pembangkang PAS tidak kuat di sana tidak ada apa-apa masalah, bawa pergi ke sana pun tidak apa, tidak bawa pergi sana pun tidak apa. Tetapi Kelantan, Terengganu dan Kedah merupakan negeri-negeri yang

sentiasa berperang politik antara orang Melayu sama orang Melayu, orang Islam sama-sama orang Islam. Kita berharap benar-benar perkara-perkara yang seperti ini atau rancangan-rancangan yang Kerajaan buat mengenai dengan agama Islam khususnya biarlah diketahui secara dekat, diketahui secara mendalam oleh mereka ini mudah-mudahan Tuhan membuka pintu hatinya supaya tidak lagi sentiasa menuduh Kerajaan Barisan Nasional ini tidak baik dan dengan tuduhan-tuduhan yang liar-liar lagi.

Saya sekali lagi, mengulangi baru dua bulan yang sudah seorang daripada rakyat Kelantan asal tetapi telah lama meninggalkan negeri Kelantan berhijrah ke Mekah dan tinggal di sana, berulang alik dia daripada Mekah ke Madinah, cara kebetulan saya telah berjumpa dengan dia, dia telah balik ke Kelantan menziarahi warisnya. Bila kesempatan saya berjumpa dengan dia, dia sendiri terkejut apabila dia balik ke Kelantan apabila dia tengok ada masjid-masjid besar di Malaysia khususnya di Kelantan. Jadi kepada dia oleh sebab dia ini telahpun diberi hasutan ataupun diberi jarum oleh pihak-pihak parti lawan Kerajaan memerintah pada anggapan dia tidak ada masjid di dalam negeri Kelantan ataupun di Malaysia ini. Saya berkesempatanlah menceritakan kepada dia kalau adapun masjid yang dibuat oleh rakyat belum merdeka lagi di Malaysia ini bilangan dia tidak sampai 10% ataupun tidak lebih daripada 20% saya kata.

Semuanya semenjak kita merdeka ini masjid-masjid yang buruk-buruknya digantikan dengan yang baharu-baharu, seperti yang tuan guru boleh lihat dalam masa tuan guru berada dua tiga hari di Kelantan ini, begitulah Kerajaan kita mengambil

daya usaha dari segi mengembangkan agama. Jadi, saya tidak tahulah tetapi dia menyebut kepada saya dia bersyukur kepada Allah kerana dia boleh balik ke Kelantan, boleh menziarahi waris dan boleh mengetahui hakikat yang sebenar pemerintahan Kerajaan UMNO atau Kerajaan Barisan Nasional. Dia kata luar daripada apa yang dia diberitahu. Langsunglah saya menceritakan kepadanya, bukan sahaja masjid, bukan sahaja sekolah Arab, bukan sahaja kolej, saya sempat juga sebut kepadanya Kerajaan bercadang apabila diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak lama lagi satu Rang Undang-undang akan dibentangkan untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia. Tuan guru itu mengurut dadanya yang dia tidak terfikir benda seperti itu boleh berlaku di negara kita ini.

Saya menyebutkan lagi kepadanya bukan setakat itu sahaja tetapi usaha Kerajaan kita, kita telah mengadakan guru-guru Quran untuk mengajar anak-anak kita membaca Quran, kita mubaliqh-mubaliqh untuk mengajar orang-orang dewasa juga dari segi hukum-hukum ataupun dari segi pelajaran agama kepada mana-mana orang yang tidak begitu memahami, banyaklah saya cuba menerangkan kepadanya dan Alhamdulillah, saya agaklah pada hamba Allah itu dia sudah yakin dan berkesempatan dia sendiri boleh melihat dan dia sendiri boleh tengok dengan mata kepalanya sendiri. Jadi, keadaan inilah yang saya minta benar-benar supaya Kementerian Pelajaran kalau perlu hantarlah pegawai-pegawai khas daripada Kementerian Pelajaran ataupun sesiapa juga orang-orang yang boleh menolong Kementerian Pelajaran memberitahu rancangan-rancangan yang kita akan jalankan mengenai dengan Universiti Islam Antarabangsa ini.

Tuan Yang Dipertua, saya kira masalah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini satu perkara yang mesti mendapat sokongan oleh semua kaum. Sebab, sebagaimana yang disuarakan oleh sahabat-sahabat sebelum saya, universiti ini bukan universiti Melayu tetapi Universiti Islam, siapa juga tidak kira dia bangsa apa asalkan mereka itu beragama Islam boleh dia memohon masuk ke universiti yang akan ditubuhkan kelak, sama ada dia itu Melayu, dia itu Cina, dia itu India dan apa jua boleh asalkan dia itu Islam. Jadi, dengan keadaan yang demikian, saya rasa lama kelamaan akan tercapailah cita-cita negara kita Malaysia ini mahukan sebuah negara yang rakyatnya boleh hidup dengan bersatu padu, kukuh, yang hidup dengan keadaan aman dan damai jika sekiranya rakyat memahami dan rakyat mempunyai penuh dengan pegangan agamanya masing-masing. Dengan ini sahajalah barangkali Malaysia ini akan selamat daripada segala malapetaka yang kita tidak ingini berlaku di tanah air kita ini.

Saya juga menyeru kepada semua kaum yang ada di Malaysia ini supaya menyokong dan tidak mengambil kesempatan sebagaimana yang saya katakan pada awal ucapan saya tadi tidak mengambil kesempatan untuk menubuhkan sebarang universiti walaupun hari ini kita meluluskan satu pindaan Akta Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, setakat itulah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya memberikan sokongan serta ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pelajaran kita atas keberaniannya membentangkan dan berusaha menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa ini.

Timbalan Yang Dipertua: Tuan Abdul Razak.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: (*Bangun*)

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Senator Abdul Razak, nanti sekejap. Saya cuma hendak memberi sedikit penjelasan. Hari ini kita bersidang sampai pukul 6.30 petang, esok kita ada satu hari sahaja lagi. Bil yang ada dihadapan kita sekarang ini 7 Bil lagi yang kita hendak hadap. Saya tidak ada hendak menyekat masa Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi sekiranya esok kita tidak boleh menghabiskan pukul 6.30 kita terpaksa melanjutkan mesyuarat sampai pukul berapa sehingga habis semua Bil-bil yang ada pada kita ini. Ini bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Jemput Yang Berhormat Tuan Abdul Razak.

4.26 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi bersama-sama menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan petang Khamis yang lalu dan telahpun Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengambil bahagian bagi memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang ini. Di samping itu, di sini saya sebagaimana yang diminta oleh Yang Dipertua, saya akan cubalah sedaya upaya memendekkan ucapan saya ini dan tidak akan menyentuh apa-apa yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya tadi jikalau boleh.

Di sini, kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas usaha Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita begitu juga Menteri

Pelajaran yang telahpun dapat menyediakan suatu Rang Undang-undang Akta ini untuk dipinda bagi membolehkan penubuhan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia ini yang mana sebagai menyambut keputusan yang dipersetujui oleh negara-negara Islam di dalam Persidangan the First World Conference on Muslim Education di Mekah dalam tahun 1976 yang mana Malaysia telah mengambil bahagian dan selaras dengan hasrat Kerajaan kita meninggikan syiar Islam. Di sini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah mengambil berat dalam soal Islam hingga kita akan menubuhkan satu Universiti Islam Antarabangsa di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam segi penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini kita haruslah juga memikirkan cara-cara jangka panjang bagi memenuhi penuntut-penuntut yang akan belajar di Universiti Islam Antarabangsa ini nanti. Sungguhpun kita telah menubuhkan Kolej Islam dan kita telah juga mengadakan sekolah menengah agama di negara kita ini tetapi di sini saya ingin menyentuh agar sekolah-sekolah menengah agama ini, oleh kerana ini adalah untuk jangka panjang supaya sekolah-sekolah agama ini dapat dipertingkatkan lagi dari segi pelajaran akademik di sekolah-sekolah ini. Dari segi penduduk sekolah-sekolah, umpamanya sekolah-sekolah menengah agama ini, buat masa ini telahpun Kerajaan mengadakan sekolah-sekolah menengah agama yang berasrama penuh yang mana murid-muridnya datang dari murid-murid yang berkemampuan dalam segi ajaran-ajaran agama Islam, membaca Quran, menulis jawi dan perkara ini rasa saya belum lagi dapat memuaskan jikalau pihak Kementerian tidak bersungguh-sungguh supaya sekolah menengah ini benar-benar dapat mengeluarkan murid-murid sekolah

yang bakal menjadi graduan-graduan nanti dari Universiti Islam Antarabangsa yang kita hendak wujudkan ini.

Umpamanya, saya ingin menyentuh soal sekolah menengah agama Islam yang mana diminta oleh ahli-ahli politik di Wilayah Persekutuan supaya diwujudkan suatu sekolah menengah agama di Wilayah Persekutuan. Alhamdulillah, permintaan dan cita-cita umat Islam telahpun wujud dan sekolah itu telahpun berjalan dalam masa satu tahun, tahun yang pertama telah menumpang di tempat Kolej Islam Kelang dan tahun yang kedua ini telahpun berbalik di Petaling Jaya sendiri untuk sementara waktu, tidak tahun untuk berapa lama dan pihak Kerajaan telahpun menjawab dalam Dewan yang mulia ini, tidak silap saya telah memperuntukkan sebidang tanah di Wilayah Persekutuan ini, kalau tidak silap saya bertempat di Setapak, seluas lebihkurang 15 ekar untuk menempatkan sekolah menengah agama Islam. Dari segi jangka pendek rasa saya memanglah sesuai dengan tapak yang 15 ekar itu tetapi buat jangka panjang rasa saya kerana Universiti Islam Antarabangsa ini nanti akan hidup selama-lama, kita minta kepada Allah s.w.t. akan berkembang sehingga hari Kiamat iaitu Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia ini. Bagi mengisi mereka ini kita mestilah mendidik mereka itu, oleh kerana sekolah-sekolah menengah berasrama penuh sama ada agama dan lain-lainnya mereka ini terkongkong, mereka akan duduk di asrama, di dalam kawasan itu juga, selepas belajar disekolah akan balik ke asrama dan di bilik-bilik dan mereka akan belajar dan sebagainya. Kita berkehendakan, kita tidak hendak murid-murid itu nanti bila balik belajar duduk di asrama ataupun di bilik-bilik sahaja, mereka ini mesti diberi kemudahan-kemudahan yang lain, umpamanya tempat rekreasi, riadah supaya murid-murid ini dapat

berjalan mendapatkan hawa suasana yang menyeluruh, dapat mereka ini melapangkan fikiran. Jikalau sekiranya hanya tempat yang begitu kecil, saya rasa ini untuk jangka pendek memanglah sesuai tetapi untuk jangka panjang nanti. Oleh itu saya berharap bagi pihak wakil penduduk-penduduk khasnya orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan supaya mencari lebih banyak lagi. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab, Kerajaan Wilayah kekurangan tanah. Memang kita tidak nafikan tetapi masih ada banyak lagi tanah-tanah kepunyaan swasta sama ada di Segambut, di Pantai sana, masih ada lagi, boleh kami tunjukkan jikalau hendak tanah-tanah ini tetapi terpaksa dibeli. Ini rasa saya untuk jangka panjang perlu dikaji oleh Kementerian Pelajaran khasnya di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Kementerian itu.

Satu lagi saya ingin menyeru di sini iaitu Kementerian juga. Dengan adanya Universiti Islam Antarabangsa ini, kita juga harus pihak Kementerian memberi penerangan kepada ibu-ibu dan bapa-bapa kerana sekarang ini masih lagi fahaman kolot mereka itu, minta maaf saya, kerana ada segolongan mereka ini masih lagi mengagung-agungkan sekolah Inggeris, sekolah yang baik, tidak lagi memasukkan anak-anak ke sekolah agama kerana mereka ini takut anak-anak mereka ini bila sudah keluar nanti kelulusan ini hanya boleh jadi tok kadi, tok imam ataupun pegawai di Majlis Agama Islam sahaja. Oleh itu, dalam soal ini saya harap supaya pihak Kementerian juga memberi penerangan seluas-luasnya apa tujuan Kerajaan dengan adanya sekolah mereka yang akan dapat menampung mereka yang akan belajar ke Universiti Islam Antarabangsa sama ada di dalam negara kita ini ataupun Universiti Islam di luar negeri kerana kita tidak ada perasaan, ini kita tidak

mahu menjadikan masalah di masa yang akan datang, dengan adanya universiti ini murid-muridnya tidak ada, hanya yang kita dapat nanti murid-murid ini datang daripada luar negeri. Oleh itu kita yang berucap di sini, yang mendapat faedah adalah murid-murid ataupun pelajar-pelajar daripada luar negeri, negara-negara Islam yang datang belajar ke sini.

Juga soal penubuhan universiti ini nanti supaya kita tidak mahu Universiti Islam ini sungguhpun ada rasa saya tetapi saya ingin ulangi lagi supaya Universiti Islam ini nanti benar-benar mempelajari ilmu alam sejagat, antarabangsa, iaitu kita tidak mahu hanya mempelajari dengan usuludin dan sebagainya, syariah dan sebagainya, kita berkehendakan juga fakulti-fakulti yang lain sebagaimana universiti yang ada di luar negeri ataupun di antarabangsa ataupun universiti di dunia ini termasuk Universiti Malaya yang ada, Universiti Pertanian dan seterusnya universiti yang ada di negara kita ini iaitu kelima-lima buah universiti, kita berkehendakan tiap-tiap universiti di antarabangsa ini mesti juga diadakan fakulti-fakulti yang lain, umpamanya Fakulti Sains, Fakulti Perubatan, Fakulti Pertanian, Fakulti Pergigian, Fakulti Kejuruteraan dan seterusnya Fakulti Undang-undang dan fakulti-fakulti yang lain yang patut pelajar-pelajar ini belajar apabila mereka ini keluar nanti akan dapatlah mereka ini pergi ke jurusan-jurusan yang lain untuk menolong Kerajaan kita mentadbirkan negara kita ini nanti. Ini harapan saya.

Di samping itu juga di fakulti-fakulti ini, sebagaimana tadi kitapun mendengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat meminta supaya Universiti Islam Antarabangsa ini hendaklah ditubuhkan di negeri masing-masing kerana mereka tidak ada universiti dan sebagainya. Di sini saya rasa

dalam soal ini pada diri saya tidak perlu di manapun diadakan tidak kira asalkan universiti ini wujud dan mendapat keistimewaan ataupun mendapat pelajar-pelajar yang baik ataupun para akademik yang baik bila mereka ini keluar nanti. Kita tidak kira di mana, sama ada Kelantan, Kedah, Pahang, Sabah dan sebagainya, di mana-manapun tidak apa, tetapi jikalau benar-benar negara kita itu, saya cadangkan di sini negeri-negeri yang berkehendakan universiti ini diadakan, apa salahnya sungguhpun ini sudah dicadangkan umpamanya di Frazer's Hill, apa salahnya kalau Perak hendak pula, apa salahnya, tidak apa, mereka itu memberikan tanah, umpamanya tanah 1,000 ekar, 2,000 ekar khas diwakafkan kepada Universiti Islam Antarabangsa ini.

Umpamanya, Universiti Pertanian, Fakulti Pertanian ini mereka boleh membuat pertanian sebagai cawangan pula di kawasan-kawasan negeri yang lain. Rasanya dalam soal ini kita tidaklah memikirkan universiti ada di negeri ini ada di negeri ini, dengan keadaan ini sokongan semua negeri ada bagi menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa ini nanti, itu cadangan saya supaya kita sama-sama adil sebagaimana pada suatu masa zaman Islam dahulu juga Nabi Mohammad kita juga membuat keadilan bagi hendak meletakkan Hajar Aswad di Mekah, membawa satu kain, beramai-ramailah membawa, begitulah umpamanya. Saya pun tidak hendak mengulas panjang dalam sejarah ini.

Dalam soal yang lain saya berharaplah sebagaimana yang saya katakan tadi supaya universiti ini wujud dan berjalan dengan baik serta mendapat keputusan yang baik.

Semalam ataupun pagi ini kita telah mendengar Tuan Yang Dipertua, ucapan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri kita di Universiti Sains Pulau Pinang kalau tidak salah saya, yang mana beliau menyarankan supaya diadakan satu majlis Universiti (Universities' council) kalau tidak silap saya, akan diwujudkan bagi menyelaraskan keseluruhan kelima-lima universiti yang ada sekarang ini kerana rasa saya memanglah cadangan ini sepatutnya telah lama diwujudkan kerana dalam keadaan inilah universiti-universiti sekarang ini kita tidak mahu bertindih-tindih di antara satu universiti dengan universiti yang lain, yang lima ini. Umpamanya, Universiti Malaya mengadakan Fakulti Undang-undang dan sebagainya, di Universiti Sains pun ada undang-undang dan di universiti yang lain pun ada undang-undang. Oleh itu bercanggah antara satu dengan lain. Oleh itu dengan adanya Majlis ini dapat kita menyelaraskan dari segi pelajaran dan dari segi fakulti yang lain tidak bercanggah dan dengan itu dapat pihak Kerajaan mengaturkan dan juga tidak menjadi saya rasa tadi bertindih antara satu dengan lain.

Di samping itu juga dengan adanya Majlis ini, saya rasa dapatlah pihak Vice-Canselor atau Naib Canselor tiap-tiap universiti berunding antara satu dengan lain bagi meninggikan mutunya dan supaya antara universiti yang ada di sini termasuklah juga Universiti Islam Antarabangsa yang kita wujudkan nanti dapat disatukan juga menjadi Majlis Universiti untuk menjadikan Majlis itu bersama masuk campur dalam Universiti Islam Antarabangsa nanti.

Saya juga mencadangkan kerana kita sekarang ini kita lihat dan kita dengar banyak pemberhentian (resign) pensyarah-pensyarah atau professor kita daripada universiti-universiti yang ada sekarang ini kerana mereka itu mencari gaji yang lebih kerana di universiti gaji mereka kadang-kadang sampai situ sahaja

sebab sudah sampai gaji maksima dan tidak dapat naik lagi sebagai professor sehingga situ sahajalah. Oleh itu mereka itu mencari jalan keluar sedangkan dalam negara kita ini masih kekurangan cerdik-pandai, professor atau para akademik supaya dapat memberi pelajaran kepada anak-anak kita yang masuk ke universiti-universiti itu dan supaya professor-professor atau lecturers atau pensyarah-pensyarah itu tidak lagi keluar gaji mereka hendaklah dikaji semula sunguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan akan dikaji semula tanggagaji mereka. Saya juga menyokong penuh supaya tanggagaji mereka itu dikaji semula. Di samping itu juga gaji kakitangan dan para pegawai pentadbir di semua universiti juga dikaji semula kerana kita mahu tidak hanya pegawai akademik atau hanya pensyarah sahaja dapat tetapi hendaklah juga dikaji semula semuanya.

Di samping itu, saya bangkitkan masalah rebut-merebut kakitangan antara universiti, professor ini hendak dibawa ke Universiti Kebangsaan umpamanya, Universiti Kebangsaan hendak tarik ke kakitangan Universiti Sains, mereka itu terpaksa resign ataupun berhenti, maka dengan keadaan itu jawatan mereka yang telah disandang begitu lama servicesnya hilang begitu sahaja. Oleh itu, saya syorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya sebagaimana Suruhanjaya Keretapi, Suruhanjaya Polis umpamanya. Kita adakan Suruhanjaya Universiti-universiti, bermakna semua masalah yang timbul hendaklah diserahkan kepada suruhanjaya ini sama ada hendak naik pangkat, sama ada hendak naik gaji dan sebagainya. Kita tidak mahu masalah ini berpanjangan, sebab kita tahu kadangkala manusia biasa kerana ada yang kata orang, pandai pengampu sedikit, pandai apa-apa dan sebagainya mereka naik

pangkat. Manakala yang tak pandai mengampu duduklah dengan keadaan begitu, mereka itu frust, jauh hati, mereka akan berhenti. Siapa yang rugi? Pihak universiti juga yang rugi dan hendak mencari lagi ganti mereka itu, sedangkan mereka itu separuhnya pihak-pihak universiti telah menghantar pelajar ke luar negeri mengambil degree M.A. atau Ph. D dan sebagainya tetapi oleh kerana tidak ada peluang hendak naik lagi mereka itu akan berhenti dan bekerja dengan swasta dan sebagainya sedangkan Kerajaan kita masih berkehendakkan tenaga dan usaha mereka yang telah dipelajari itu. Oleh itu, dengan adanya Suruhanjaya Universiti-universiti yang saya cadangkan itu, rasa saya ini dapat membendung masalah pelarian ataupun lari daripada satu tempat ke satu tempat dapat diatasi. Di samping gaji-gaji mereka dapat dinaikkan, dan rasa saya masalah ini tidak akan timbul lagi dan pihak Universiti Islam Antarabangsa juga kemungkinan kita tidak akan kekurangan kakitangan dan juga pensyarah-pensyarah yang diperlukan itu nanti.

Soal yang lain banyak telah disentuh, di sini sebelum saya mengakhiri ucapan, menyokong Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) ini, saya di sini juga menyuarakan kepada rakyat Malaysia khasnya dan juga ahli-ahli politik yang lain. Sungguhpun kita telah sama-sama menyokong akan Rang Undang-undang ini, tetapi kita tidaklah mahu sokongan mereka itu 'ada udang di sebalik batu' ataupun 'telunjuk lurus kelingking berkait' ataupun 'menangguk di air keruh'. Kita tidak mahu dengan sokongan yang diberi kepada pindaan Akta ini, ada isu yang lain yang tersimpan di hati ataupun yang telah tersimpan untuk dikeluarkan pada satu masa nanti untuk meminta kepada Kerajaan pula supaya Kerajaan membenarkan

mereka menubuhkan universiti persendirian ataupun private university ataupun universiti swasta. Dengan adanya pindaan yang kita akan luluskan, satu Universiti Islam Antarabangsa mungkin di masa akan datang Parlimen kita akan luluskan satu lagi universiti yang keenam di negara kita ini. Mungkin isu ini akan diambil oleh pihak-pihak yang tertentu. Oleh itu, saya harap kepada rakan-rakan kita sama ada di dalam Dewan ini, sama ada di luar dan rakyat seluruhnya memahami keadaan yang sebenarnya.

Sebagaimana kawan-kawan dan rakan-rakan saya yang bercakap mengenai Universiti Islam Antarabangsa ini bukan untuk orang Melayu sahaja atau untuk orang Islam sahaja bahkan diberi peluang kepada semua bangsa, semua agama, semua kaum di dunia ini untuk belajar asalkan mereka sanggup mengikut dan patuh kepada undang-undang yang ada, matapelajaran yang dipelajari di sekolah rendah dan sekolah menengah yang boleh kita terima. Ini kita harap supaya jangan perkara ini ada udang di sebalik batu yang saya katakan tadi ataupun menanggung di air keruh ataupun isu-isu lain. Ini harapan kita supaya masalah-masalah ini tidak ada timbul apa-apa masalah lagi.

Oleh kerana banyak lagi Akta yang kita hendak luluskan, rasa saya, itu sahajalah pandangan yang ikhlas daripada diri saya bagi menyokong pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 ini dan dengan ini saya sama-samalah berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan dipanjangkan umur pemimpin-pemimpin kita yang mana menegakkan syiar Islam dan juga Menteri Pelajaran yang mana berusaha bersungguh-sungguh bagi mewujudkan Universiti Islam Antarabangsa. Sekian.

Timbalan Yang Dipertua: Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim,

4.47 ptg.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk sama-sama memberi sokongan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang dibentangkan oleh Menteri Pelajaran iaitu bagi membolehkan ditubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa.

Bagi saya sebagai salah seorang Ahli Dewan yang mulia ini mengambil peluang mengucap tahniah kepada Kerajaan kerana sungguh banyak faedah dan nikmat yang akan dikecapi setelah ditubuhkan universiti tersebut kelak yang bukan sahaja dapat lagi merapatkan hubungan di antara negara-negara Islam, bahkan kerana ianya kelak akan menerima penuntut-penuntut dari berbagai bangsa, bersyukur dan berterima kasih yang mana Kerajaan kita bukan sahaja sanggup mengeluarkan perbelanjaan, malahan dengan rancangan yang begitu bersungguh-sungguh telahpun membuat perundingan dengan negara-negara sahabat, terutamanya negara-negara Islam yang memberi pengakuan dan sokongan mereka sama ada di peringkat moral atau material. Kita harap kepada negara-negara yang memberi sokongan dan yang memberi pengakuan dalam bentuk apa juapun hendaklah memberi pengakuan yang benar-benar terjamin, bak kata pepatah—kalau kata mestilah dikota. Kita bimbang kerana telatah manusia kadangkalanya merupakan pakaian yang dipakainya itu terlebih besar daripada badannya sendiri. Insya Allah sebagaimana yang dicadangkan akan terwujudlah Universiti Islam Antarabangsa mengikut Rang Undang-undang yang akan diluluskan

kelak dengan tiada apa-apa halangan. Walaupun buat permulaannya akan ditubuhkan di Petaling Jaya dan akhirnya akan mempunyai bangunan tersendiri dan tapaknya tersendiri di kawasan yang sesuai yang persetujui oleh Kerajaan bersesuaian pula dengan taraf kedudukan dan sebagai sebuah Universiti Islam Antarabangsa dan hendaklah universiti tersebut di bawah naungan Yang Dipertuan Agong walaupun merupakan antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, patutlah juga diambil kira kepada Malaysia sebagai tuan rumah kepada Universiti Islam Antarabangsa yang akan wujud ini dengan menambahkan bahawa Bahasa Kebangsaan Malaysia hendaklah dijadikan juga salah satu bahasa di samping bahasa Arab dan Inggeris sebagai bahasa yang diwajibkan sebagai menghormati negara di mana wujudnya universiti tersebut. Bila lagi kita rakyat Malaysia mahu mendaulkan bahasa sendiri. Amatlah tidak logiknya, kalau kita sendiri tidak tahu menempatkan bahasa sendiri di tempat yang sewajarnya. Sungguh malang bagi kita kiranya di tanahair kita sendiri tidak mahu menilaikan hak-hak kita sendiri khususnya dalam penggunaan dan penguasaan bahasa sendiri.

Sehubungan dengan ini juga quota pengambilan penuntut-penuntut yang akan menuntut di universiti ini hendaklah dinaikkan sedikit sebagaimana yang ditetapkan iaitu daripada 30% pada 35% ataupun lebih lagi.

Tuan Yang Dipertua, juga bagi melengkapkan diri kepada penuntut-penuntut dalam negara kita yang akan dipilih untuk menuntut di universiti ini, maka pelajaran bahasa-bahasa yang diwajibkan itu yang akan dijadikan sebagai bahasa pengantar hendaklah dititikberatkan kepada penuntut-penuntut di peringkat awal

lagi iaitu sama ada di Sekolah Menengah Rendah hingga ke peringkat menengah atas supaya penuntut-penuntut ini telah ada asas persediaan untuk menguasai bahasa-bahasa tersebut.

Tuan Yang Dipertua, ekoran daripada ucapan sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya sebagai seorang wanita mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang ataupun membuka jalan kepada wanita supaya Kerajaan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa untuk anak-anak gadis atau wanita dengan tujuan semata-mata mengasingkan di antara mahasiswa dengan mahasiswi.

Tuan Yang Dipertua, bersesuaian dengan hal ini maka amatlah logiknya dari sekarang di Dewan yang mulia ini supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menambahkan lagi bilangan Menteri-menteri wanita atau Timbalan-timbalan Menteri wanita dari golonglan wanita supaya senang mentadbirkan sesuatu itu khususnya untuk wanita, tidaklah payah wanita merayu sesuatu masalah itu kepada pak-pak Menteri lagi kerana sudah ada emak-emak Menteri. Terima kasih kepada Yang Berhormat, tetapi saya bimbang sementara menanti tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa untuk wanita, janganlah tercicir kaum wanita di segi pelajaran, patutlah diberi peluang bersama kepada kaum wanita supaya janganlah kaum lelaki sahaja yang monopoli sesuatu itu. Dari itu adakah tergamak Ahli Yang Berhormat yang melafazkan supaya menolakan wanita menyertai bersama dalam menerima ilmu pengetahuan di peringkat Universiti Islam Antarabangsa yang akan wujud tidak lama lagi? Bukankah falsafah Islam itu mempunyai pengertian yang menyeluruh, bukan pengertian yang sempit seperti mana-mana yang difahami oleh setengah-setengah

kaum. Kita mesti berkeyakinan bahawa Universiti Islam Antarabangsa ini akan menyusun seluruh aspek pengajian dan akan membuat sesuatu yang konkrit dan memberi guna kepada anak cucu Adam dan Hawa, janganlah tok Adam sahaja yang difikirkan atau kaum-kaum Adam sahaja yang kita hendak diketengahkan.

Tuan Yang Dipertua, justeru itu kita insan hendaklah sedar, sebenarnya kita mempunyai pengertian yang tersendiri yang menjelaskan bahawa manusia ini adalah lemah dalam serba-serbi kekurangan baik di segi fizikal ataupun mental bila dinisbahkan atau dibandingkan dengan kekuasaan Allah s.w.t. Dari itu kerana kelemahan ini perlulah dipandukan dengan mempelajari barbagai-bagai ilmu pengetahuan atau melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan itu tidak dikira sama ada lelaki atau perempuan.

Tuan Yang Dipertua, dengan izin, saya bawakan satu Hadis yang berbunyi: Thalabul ilmaridathul-kulimuslimin walmuslimatin. Jadi dalam hadis ini tidak menyebutkan thalabul ilmaridathul, bererti kepada kaum lelaki sahaja. Faridathul ala kulimuslimin wal muslimatin, kepada kaum muslimin yang lelaki dan perempuan, kenapa ditinggalkan, di Dewan yang mulia ini sanggup Yang Berhormat mahu membelakangkan kepada kaum wanita, kalau hendak diasingkan universiti bila hendak diwujudkan Universiti Islam Antarabangsa untuk wanita sedangkan hendak mewujudkan Universiti Islam Antarabangsa sekarang pun daripada hasrat yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjadi Menteri Pelajaran dahulu, sehingga sekarang barulah termaktubnya ura-ura dan niat baik itu, nampaknya hampir-hampir tercapai dan akan bersinar untuk

harapan kita semua. Sebab sesuatu kaum tidak akan hidup dengan seimbang kiranya kaum wanita ditinggalkan, janganlah setengah daripada setengahnya digunakan wanita untuk satu-satu tujuan sahaja, tetapi untuk kebaikan dan menaikkan lagi taraf serta imej wanita hendak ditinggalkan ke belakang.

Tuan Yang Dipertua, kecuali satu-satu perkara sebagaimana yang kita selalu diingati jangan kamu mendekati kaum wanita yang bukan muhrim, sekiranya kamu ada niat disebalik kebaikan yakni kalaulah berduaduaan lelaki dengan wanita, kalau tidak ada iman dan asasnya, ertinya di antara lelaki dan perempuan, mungkin juga sudah jadi bukan manusia lagi, itulah diperkatakan syaitan. Sebab syaitan ada di mana-mana, tetapi boleh diatasi syaitan dan godaan syaitan adalah dengan keimanan yang sejati. Jadi dari mana wanita hendak mendapatkan kebaikan dan pengajaran-pengajaran yang baik yang berasaskan ilmu agama, kalau tidak disamakan pelajaran itu dan dimasukkan bersama wanita-wanita atau anak-anak gadis sebagai penuntut di Universiti Islam Antarabangsa yang akan diwujudkan itu. Satu hadis, dengan izin, yang bererti: Wanita adalah sebagai tiang negara, jikalau sihat atau baik wanita maka baiklah sebuah negara dan sebaliknya jikalau buruk wanita maka buruklah, ertinya akibatnya yang tidak baik kepada sesebuah negara. Juga segi pendidikan jikalau anak-anak tidak ditinggalkan kepada wanita, siapa yang menjaga dan siapa yang mengasuh bapa-bapa Menteri yang ada sekarang, mungkin tidak sampai ke taraf Menteri, kalau tidak kerana tenaga wanita.

Kita dapati banyak anak-anak yang terbiar kerana kurang didikan asasnya. Kalau ada didikan di mana jatuh kata orang walau dalam laut sekali pun menjadi pulau, kepada Barisan Nasioanl atau Kerajaan

Barisan Nasional yang ada hari ini yang wujud di Dewan ini tidak akan wujud, jikalau separuh atau pun 55% hingga 60% tidak ada sokongan daripada wanita, sebab kita tahu sokongan yang ada hari ini adalah lebih banyak suara wanita daripada kaum lelaki, kenapa pula cuma hendak mengajak sama kepada kaum wanita menyertai sebagai penuntut-penuntut Universiti Islam antarabangsa supaya dilupakan untuk satu-satu tujuan sahaja dipanggil kaum wanita, ini tidak logik dan tidak boleh diterima oleh fikiran yang waras, Tuan Yang Dipertua. Saya fikir dengan ilmu pengetahuan sahajalah akan dapat membezakan antara buruk baiknya.

Begitu juga sebagaimana yang saya selalu ucapkan iaitu sekiranya sesuatu kebaikan dan khususnya di dalam dunia ini sekiranya ketiadaan wanita maka sunyi juga kaum lelaki, janganlah diharap lelaki sahaja boleh wujud dalam dunia ini dengan tidak ada kaum kembarannya iaitu kaum hawa.

Timbalan Yang Dipertua: Itu betul.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim: Tuan Yang Dipertua, saya rasa tak payah memberi cadangan ataupun mengemukakan berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan universiti, iaitu bagaimana cara mendapatkan penuntutnya dan daripada tarafnya, begitu-begini, sama ada dari segi pelajaran akademiknya sebab ramai daripada Yang Berhormat yang ada di Dewan ini akan mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, tetapi soalan wanita nampaknya sentiasa hendak diketepikan, hendak ditenggelamkan, ada yang cakap menimbul, menenggelam, dan macam-macam, dianggapkan kepada wanita, tetapi buruknya kaum wanita bukan kerana wanita sendiri, adalah

daripada kaum lelaki juga bersama. Kata orang bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi, kalau dua belah tangan baru berbunyi. Kalau disalahkan satu-satu itu mestilah disalahkan kepada dua-dua (lelaki dan perempuan). Kalau hendak didokong kepada satu-satu mesti didokong kepada dua-dua. Tak payah kita katakan begitu-begini hal berkenaan kaitan universiti sedang ramai pakar-pakar yang berkaitan dengan universiti yang tahu, tetapi kepada wanita walaupun ada 5-6 kerat sahaja wanita tetapi di belakang kami mungkin ada beribu wanita yang sebagaimana saya katakan 55% hingga 60% itu adalah penyokong Barisan, kenapa sampai begitu, Yang Berhormat mengatakan wanita tidak boleh menyertai di universiti tersebut, padahal balik ke rumah jumpa juga kaum wanita, apa hendak buat? Ini cakap omong kosong, kalau saya katakan omong kosong nanti Yang Berhormat lain marah, tetapi ini betul-betul omong kosong.

Timbalan Yang Dipertua: Marah nampaknya (*Ketawa*).

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim: Sebelum saya duduk, Tuan Yang Dipertua, saya berharaplah mendapat kepastian dari yang Berhormat Menteri supaya memberi jaminan yang wanita sama-sama merasai dan dapat menuntut bersama-sama di Universiti Islam Antarabangsa sebab kalau hendak nafikan sebagaimana yang saya katakan tadi mahu menantikan Universiti Islam untuk wanita itu agaknya lambat dan kita harap walau macam manapun akan wujud juga sebuah universiti khas untuk wanita kerana di lain-lain negara pun ada mempunyai universiti wanita.

Tuan Yang Dipertua, mudah-mudahan di Dewan yang mulia ini kita tidak mempersoalkan semata-mata

sesuatu kepada masalah berat sebelah kepada kaum sejenis dan hendaklah kita meninjau jauh persoalan yang lebih penting terutamanya yang ada kaitan atau hubungan dengan falsafah Islam dan kebaikan kepada negara dan penghuninya sama ada lelaki atau perempuan.

Pada akhirnya, saya bersama-sama menyokong sekali lagi dan mengucapkan syabas serta bersyukur dan bersama-sama bersetuju atas dasar yang dibentangkan sama ada dari segi peraturan dan pentadbiran tetapi sentiasa membangkang sekiranya wanita di belakang atau dilupakan dari segi pelajaran tinggi atau dalam segala-gala bidang.

Akhirnya kata saya beri contoh satu Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim, di Perak yang dahulunya semata-mata diasingkan kepada kaum lelaki tetapi sekarang apa sudah jadi, telah dibuka peluang kepada kaum wanita. Saya sekali lagi mengucapkan syukur sebagaimana firman Allah, dengan izin: Maksudnya:

Kita sentiasalah bersyukur kepada rahmat yang Tuhan beri dan kalau kamu engkar akan menerimalah azab yang pedih.

Salah satu rahmat iaitulah akan terwujudnya Universiti Islam Antarabangsa untuk semua bangsa dan agama. Kepada Menteri yang berkenaan silalah memberi pengakuan di Dewan yang mulia ini supaya keadaan dan perkembangan wanita tidaklah teragak-agak. maktumlah yang memberi hukuman di negara kita ini nampaknya ramai dan orang lelaki.

Sekianlah, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih, Wabillahaufek.

Timbalan Yang Dipertua: Datuk Haji Mohd. Din.

5.05 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Akta untuk meminta Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskan mengenai penubuhan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di negara kita adalah satu-satunya yang kita berasa bangga kerana universiti ini adalah salah satu daripada pertumbuhan institusi pelajaran tinggi yang bertaraf universiti yang mana sangat-sangat diperlukan oleh negara kita.

Tuan Yang Dipertua, Universiti Islam ini mungkin banyak tertubuh di antara negara-negara Asia Barat ataupun negara-negara Timur Tengah yang diberi nama Universiti Islam, maka dengan ini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang membentangkan Akta ini supaya Universiti Islam ini diberi nama 'Universiti Islam Antarabangsa Malaysia' kerana supaya menjauhkan daripada pengeliruan di antara Universiti-universiti Islam yang terdahulu tertubuh di negara-negara Asia Barat dan di Timur Tengah. Dengan ini juga nama Malaysia akan dapat dipertingkatkan dalam perkembangan institusi pelajaran yang berteraskan Islam dan selaras dengan maksud antarabangsa universiti ini juga akan menerima mahasiswa atau penuntut-penuntut daripada berbilang kaum dan juga daripada negara-negara lain yang mana saya percaya universiti antarabangsa yang akan wujud di negara kita ini nanti akan memberi banyak sumbangan-sumbangan yang berguna kepada Malaysia.

Sebelum itu, Tuan Yang Dipertua, negeri-negeri di dalam Malaysia patutlah dibawa berunding untuk memberikan sumbangan penubuhan universiti ini dengan cara apa sumbangan-sumbangan yang boleh diberikan oleh tiap-aiap negeri di dalam Malaysia dan kita tidak semestinya mengharapkan pemberian orang lain dari Saudi Arabia yang kita seharusnya berbangga dengan sumbangan itu, tetapi kita terima sumbangan itu tetapi apakah di sebalik sumbangan daripada negeri-negeri yang wujud di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana negara-negara jiran kita di rantau Asia Tenggara dan kita mempunyai dasar Pandang ke Timur, mungkin dengan wujudnya Universiti Islam ini akan terdapat pertukaran mahasiswa antara negara-negara di Asia Tenggara seperti di Korea dan di Jepun mahupun di Taiwan, mungkin keinginan mereka untuk memasuki universiti ini demi mendalami lagi pengetahuan dalam apa juga bidang fakulti yang terdapat dalam universiti ini dengan sendirinya perkembangan Islam itu akan dapat dirasai oleh penuntut-penuntut ini nanti. Sepertimana di Korea, Korea adalah salah satu negeri yang inginkan perkembangan Islam di negara itu dapat wujud tetapi oleh kerana kekurangan bahan-bahan cara perkembangan syiar Islam di negara itu hanyalah negara-negara daripada Timur Tengah yang banyak memberikan sumbangan.

Jadi saya percaya, Tuan Yang Dipertua, dengan wujudnya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini nanti ianya akan dapat lagi merapatkan antara universiti-universiti yang terdapat di dalam Asia Tenggara dan Universiti Islam yang akan wujud ini juga nanti akan menjadi sebagai satu universiti yang dipandang tinggi oleh mana-mana juga negara di dunia kerana Malaysia adalah sebagai sebuah negara

yang amat bertuah dan diletakkan kepercayaan menubuhkan universiti seperti ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang kelemahan-kelemahan orang-orang kita di dalam Malaysia khasnya orang Islam dan amnya orang-orang Melayu. janganlah kita anggap penubuhan Universiti Islam ini yang orang-orang Islam akan menganggap itulah universitinya dan dia dengan sendiri boleh keluar menjadi mahasiswa dari Universiti Islam ini.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana kata perumpamaan, janganlah orang-orang Islam atau orang-orang Melayu seperti sikudung mendapat cincin. Kita sudah tubuhkan Universiti tetapi orang kita tidak tahu menggunakannya sedangkan Universiti ini adalah terbuka kepada antarabangsa dan orang kita hanya melihat sahaja bangunan yang tersergam, tanah-tanah yang luas yang beribu-ribu ekar akan kita sumbangkan kepada Universiti tetapi pengeluaran mahasiswa-mahasiswa dari Universiti itu nanti, bilangan orang-orang Melayu khasnya yang beragama Islam pula akan menjadi satu tanda tanya dan menjadi satu persoalan di dalam Dewan ini mahupun melalui parti-parti politik dan siapa yang harus disalahkan.

Tuan Yang Dipertua, inilah bagi pendapat saya supaya orang-orang kita janganlah mengharapkan kononnya Universiti Islam inilah satu-satunya akan menjamin kepada orang-orang Islam tetapi kita mestilah berusaha untuk mengisikan Universiti tersebut sepertimana ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkehendakkan 51% penyertaan daripada penuntut-penuntut negara kita sendiri, bagaimana kalau sekiranya kelemahan-kelemahan ini masih

terdapat sedangkan Universiti ini adalah Universiti yang bertaraf antarabangsa dan kita hendaklah memelihara nama baik Malaysia dan daripada segi pengajian yang diperolehi daripada Universiti ini mestilah benar-benar dapat pengiktirafan yang sebaik-baiknya sepertimana Universiti Malaya yang telah wujud di negara kita. Universiti Malaya adalah salah satu Universiti yang paling disegani di seluruh negara-negara ASEAN mahupun di United Kingdom, kerana ianya adalah mempunyai satu sistem pentadbiran dan pengajian Universiti yang terbaik.

Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga menegur serba sedikit dan tidak banyak memberikan pujian tentang penubuhannya tetapi setakat menegur janganlah nanti bilamana wujudnya Universiti ini ada pula badan-badan, persatuan-persatuan bekas-bekas mahasiswa, penuntut-penuntut Islam daripada negara-negara Timur Tengah atau Asia Barat untuk menjadi juara (champion) bagi menegur Universiti Islam ini konon kerana mereka inilah penuntut yang berpengalaman dan bermacam-macam cara semata-mata untuk menegur; bukan menegur untuk memperbaiki tetapi untuk menyerapkan beberapa fahaman dan sebagainya dan fahaman-fahaman yang sempit untuk diserap-diserapkan kepada Universiti Islam ini semata-mata seperti kata pepatah Melayu: Seperti tikus membaiki labu. Ini yang kita khuatirkan nanti. Tuan Yang Dipertua

Tuan Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat akan boleh menyambung semula ucapan. Dewan ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5 15 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.38 petang.

Tuan (Timbalan) Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat Perbahasan disambung semula*

5.38 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, sebagai menyambung ucapan selepas berehat selama 15 minit saya ingin menyentuh mengenai kegiatan mahasiswa-mahasiswa atau mahasiswi-mahasiswi kita supaya jangan ada timbulnya perkara-perkara yang akan menggugat perjalanan universiti ini kelak dan mereka ini pula akan berlagak sebagai intelektual Islam semata-mata mereka inilah orang yang paling juara dalam perkembangan universiti ini kelak.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh sebagai ingatan yang terakhir yang menjadi kebiasaan pada hari konvokesyen adalah universiti-universiti memakai jubah dan topi universiti yang empat persegi dan janganlah pula nanti disarankan oleh intelektual-intelektual Islam ini nanti supaya pakaian di hari konvokesyen ini nanti dicadangkan pakai jubah dan topi yang empat persegi pula diganti dengan sarban atau turban dan sebagainya. Jadi inilah, demi mempertingkatkan taraf Universiti Islam Antarabangsa ini yang mana tidak dapat dinafikan ianya adalah sebagai satu anugerah institusi pelajaran di Malaysia yang mana pada masa-masa yang lampau tidak terlintas di negara kita yang mempunyai sebuah Universiti Islam Antarabangsa di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, ada di antara Ahli Yang Berhormat yang telah menyarankan supaya wanita-wanita juga patut diberikan peluang dalam Universiti Islam ini, dan saya, Tuan Yang Dipertua, ingin menyokong

pendapat tersebut, kerana kita mestilah memberi peluang dan pandangan secara liberal dalam perkembangan pelajaran kepada wanita-wanita Islam dan wanita-wanita Malaysia khususnya dan Kerajaan atau Kerajaan-kerajaan Negeri haruslah mencari satu jalan selepas penubuhan Universiti Islam ini dan ditubuhkan pula kolej universiti bagi penuntut-penuntut wanita kita di negara ini. Dan ini memandangkan penglibatan wanita kita di Malaysia di dalam bidang-bidang pentadbiran Kerajaan mahupun dalam bidang siasah dan ekonomi telah ternyata. Jadi, Malaysia hendaklah memberi satu contoh di antara negara-negara Islam yang lain yang kita mempunyai dasar memberikan pendidikan yang setaraf kepada wanita-wanita kita di negara ini.

Tuan yang Dipertua, saya tidak dapat menyebutkan dalam bahasa Arab tentang keistimewaan hak wanita ataupun kemajuan-kemajuan yang didorong oleh wanita terhadap lelaki. Tetapi bagi pihak lelaki sudah tentulah kita tidak dapat melupakan kejayaan lelaki itu memanglah daripada dorongan kaum wanita sebagaimana pepatah atau perumpamaan dalam bahasa Inggeris "a successful man has always a woman behind him". Jadi inilah sebagai satu penghargaan saya dalam maksud tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak ada bahan lain untuk disarankan selain daripada menyokong Akta Universiti dan Kolej Universiti ini dengan sesungguhnya.

Tuan (Timbalan) Yang Dipertua: Jemput Yang Berhormat Tuan H'ng Hung Yong.

5.45 ptg.

Tuan H'ng Hung Yong: Tuan Yang Dipertua, usul di Dewan ini ialah

untuk memindah Seksyen 5 Akta Universiti dan Kolej Universiti. Tetapi adalah difahamkan bahawa pindaan ini dikemukakan untuk membuat peruntukan bagi penubuhan Universiti Islam Antarabangsa yang dicadangkan. Dengan ini saya akan mengkhususkan pendapat saya kepada isu ini sahaja.

Mengikut ingatan saya, Tuan Yang Dipertua, orang ramai mula-mula mengetahui mengenai hasrat Kerajaan untuk menubuhkan Universiti ini pada bulan Mac lalu. Ketika itu Perdana Menteri baharu sahaja pulang daripada satu lawatan yang berhasil ke Asia Barat dan sejurus selepas itu membuat pengumuman bersejarah bahawa satu pusat baharu bagi pengajaran Islam akan ditubuhkan di Malaysia dengan bantuan lain-lain negara Islam. Dalam masa sembilan bulan, Kerajaan mengumumkan bahawa ia telah menyiapkan 'blueprint' bagi universiti tersebut, dan Bil bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada awal bulan lalu. Menurut apa juga pertimbangan pun, ini adalah satu rekod kerana usaha untuk penubuhan sebarang universiti biasanya memakan masa yang lebih lama dari itu. Saya hanya boleh mengagak bahawa perancangan bagi universiti ini telah bermula lama sebelum pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Ini mengesahkan bahawa Kerajaan kini memberi keutamaan tertinggi kepada projek tersebut dan jika saya tidak silap, Menteri Pelajaran baharu-baharu ini telah mengumumkan bahawa universiti ini kini dirancang untuk dilancarkan pada bulan Jun ini.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang kita sedar, pelajaran adalah satu subjek yang amat sensitif di negara ini. Ia merupakan satu isu yang benar-benar memberi kesan bagi setengah-setengah orang. Ia juga adalah satu isu

yang berpolitik setengah-setengah orang. Penubuhan sebuah sekolah baharu pun boleh menjadi satu isu yang amat kontroversial. Apa lagi sebarang cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti baharu, sebagaimana yang ditunjukkan oleh debat mengenai isu Universiti Merdeka yang telah dicadang itu.

Bagaimanapun, apa yang penting dalam kes ini, Tuan Yang Dipertua, ialah perdebatan orangramai mengenai cadangan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini berbeza sekali ketenangannya, jika saya diizinkan menyatakan pendapat saya. Saya tidak fikir bahawa ini adalah kerana orangramai kini kurang memberi perhatian kepada isu seperti memastikan peluang-peluang pelajaran tinggi yang adil dan sempurna bagi rakyat Malaysia dari semua bangsa. Tetapi saya rasa perhatian orangramai dalam kes ini tidak menjadi keterlaluan dan amat kontroversial berdasarkan dua sebab.

Saya rasa rakyat Malaysia telah menunjukkan kepintaran tradisi mereka dengan mengiktiraf satu garisan nipis memisahkan agama dari pelajaran dalam kes ini. Ia adalah prinsip asas bagi Perlembagaan kita di mana kebebasan agama dijamin untuk semua orang dan rakyat bukan Islam amat berhati-hati agar tidak menyatakan apa-apa yang boleh ditafsirkan sebagai campurtangan dalam perkembangan Islam dan usaha-usaha mempelajarinya. Keduanya, Tuan Yang Dipertua, saya rasa kini terdapat fahaman yang lebih bagi keperluan untuk mengurangkan kesan politik dari isu-isu pelajaran, satu penghargaan akan kenyataan bahawa isu-isu begini boleh diatasi dengan bermakna jika diselesaikan dengan cara yang lebih rasional dan dalam suasana yang tidak diperbesar-besarkan dengan emotif. Berhubung dengan semangat inilah, Tuan Yang

Dipertua, saya cadangkan supaya diadakan penyelidikan terhadap aspek-aspek lain dalam projek penubuhan universiti yang dicadangkan ini.

Pindaan kepada Seksyen 5 dengan khususnya memberi peruntukan bagi Kerajaan membuat sebarang perjanjian, triti atau konvensyen dengan sebarang negara atau pertubuhan antarabangsa untuk menubuhkan universiti seperti ini. Tetapi apa yang ingin saya tegaskan, ialah bahawa walaupun sekiranya Kerajaan tidak berusaha mengemukakan pindaan ini, undang-undang yang ada tidak menyekat Kerajaan dari membuat sebarang rancangan seumpamanya untuk menubuhkan satu pusat pengajian Islam dikatakanlah salah sebuah daripada universiti-universiti yang ada. Kerajaan boleh dengan mudah memperbesarkan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan, dengan mendapatkan bantuan kewangan dari lain-lain negara Islam dan dengan menguntukkan beberapa tempat bagi para pelajar dari negara-negara tersebut. Langkah-langkah tersebut boleh memberikan pusat pengajian ini kedua ciri antarabangsa dan Islam.

Tetapi, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memilih tidak berbuat demikian. Ia sebaliknya memutuskan untuk mengemukakan pindaan ini kepada Dewan untuk membolehkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong meluluskan penubuhan sebuah universiti yang kini jelas mempunyai ciri yang berlainan sekali dari universiti-universiti yang terdapat di negara ini. Kini apa yang berlaku, ialah hanya dengan satu gerakan pen atau, dengan izin, with the stroke of the pen as it is were, Kerajaan telah mengeluarkan universiti ini dari lingkungan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Ini menimbulkan berbagai kemungkinan, Tuan Yang Dipertua. Oleh kerana ciri antarabangsa, universiti tersebut dikehendaki mengiktiraf permintaan negara-negara yang menyumbangkan wang kepada projek ini. Ia juga mesti menerima pandangan-pandangan para guru dan kakitangan dari masyarakat antarabangsa. Universiti ini juga tidak akan terikat kepada dasar bahasa atau dasar kita mengenai kuota bangsa bagi pengambilan para pelajar.

Tuan Yang Dipertua, semua ini merupakan perubahan yang revolutionary. Buat kali pertamanya dalam sejarah kita, Kerajaan telah menunjukkan dengan terbuka dan sengaja yang ia bersedia tidak mengikut satu dasar Kebangsaan yang asas untuk mendapatkan apa yang dipercayai adalah satu matlamat yang lebih tinggi. Sama ada kita suka atau tidak, ini adalah satu precedent dan saya harap Kerajaan akan bersifat berpandangan luas seperti ini dan dapat menerima cadangan-cadangan lain di masa depan sama ada ia berkenaan dengan pelajaran atau industri—asalkan ia membina dan akan menjadikan negara kita lebih progresif dan bersatu.

Tuan Yang Dipertua, butir-butir mengenai universiti ini telah muncul sedikit demi sedikit dalam akhbar dan dari orang-orang perseorangan. Dikebanyakan masa, kita tidak tahu bagaimana keputusan-keputusan ini diambil atau siapa yang telah menetapkannya. Tetapi oleh kerana wang orang ramai digunakan, sesungguhnya saya akan mengalukan satu kenyataan yang lebih lengkap dari Kerajaan dalam perkara ini dengan butir-butir mengenai struktur dan operasi universiti ini serta juga cara perbincangan dengan negara-negara lain bagi sumbangan kewangan, bagi kakitangan pendidikan dan pentadbiran dan sebagainya.

Ingin juga saya menambah bahawa penubuhan universiti ini telah menghasilkan satu suasana psikologi baru di negara ini, satu keadaan yang perlu diterangkan dengan baik jika kita tidak mahu ia menyumbang kepada lebih banyak salah-faham di antara rakyat kita. Orang-orang Islam sesungguhnya akan berbangga dengan kenyataan bahawa universiti ini akan mengisi apa yang ramai orang merasai sebagai kekosongan dalam dunia Islam dan bahawa ia akan juga membantu dalam langkah-langkah untuk membawa kembali kehormatan dan sanjungan kepada satu agama yang biasanya tidak diendahkan dan disalahfahami oleh ramai orang-orang bukan Islam. Orang-orang bukan Islam sesungguhnya akan memikirkan mengapa langkah untuk menubuhkan universiti Islam ini dibuat bukan di sebuah negara yang homogenous atau, dengan izin, dalam satu masyarakat yang homogenous tetapi akan dilakukan di sebuah negara yang berbilang agama dan berbilang kebudayaan seperti Malaysia. Saya sendiri merasa ia nanti akan menjadi satu rahmat kerana pusat pengajian baru ini akan membolehkan kedua orang-orang Islam dan bukan Islam saling belajar memahami antara satu sama lain. Hakikat bahawa universiti ini akan bergerak dalam satu persekitaran berbilang bangsa akan memaksa kedua orang-orang Islam dan bukan Islam bersama-sama menghadapi isu-isu asas dan keperluan hidup untuk saling menghormati satu sama lain dan berusaha bersama untuk kehidupan yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa bahawa bolehlah kita terima bahawa tidak kira apa-apa anggapan dan harapan kita mengenai universiti ini di masa ini, kejayaan dan kegagalannya bergantung kepada cara ia dijalankan. Saya ingin menggesa Kerajaan memastikan dari mula lagi bahawa ia akan menjadi satu pusat pengajian, bukan institusi politik. Universiti ini

mestilah berusaha mendapatkan standard pendidikan dan pengetahuan yang tertinggi dan jangan membenarkan politik menetapkan gred para pelajarnya. Hanya dengan ini dapatlah universiti ini menerima kehormatan dan persefahaman antarabangsa yang kami semua harapkan. Kita semua tahu bahawa universiti ini juga mempunyai potensi menjadi 'catalyst' bagi progres dan permodenan dalam kedua erti rohani dan jasmani. Tetapi ia juga mempunyai potensi untuk menjadi satu pusat pengajian konservatif, satu pusat bagi penyemaian sikap 'bigotry' dan pandangan sempit. Sifatnya nanti akan bergantung kepada siapa yang menjalankannya sama ada matlamat dan panduan-panduan operasinya ditetapkan dengan jelas dari awal lagi dan sama ada elemen-elemen 'reactionary' dibenarkan meresap ke dalam sanubari para pelajar dan pendidikannya. Saya yakin bahawa Kerajaan amat sedar akan kemungkinan-kemungkinan ini dan akan berusaha mengelakkannya. Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi harapan saya agar universiti ini kelak akan juga berkhidmat sebagai satu pusat penyebaran nilai-nilai universal yang diingini dan dengan berlalunya masa, lebih ramai orang akan memahami bahawa pelajaran tidak semestinya berhubung terus dengan politik dan bahawa agama boleh dipisahkan dari bangsa. Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya mengalu-alukan cadangan menubuhkan universiti ini.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyeru Kerajaan supaya memberikan lebih banyak keutamaan kepada keperluan pendidikan di negara kita. Masih ramai orang yang inginkan pendidikan tinggi di negara kita. Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa kita mempunyai lebih kurang 40,000 orang pelajar di luar negeri. Universiti Islam

Antarabangsa, bila terbentuk sepenuhnya dalam masa lima tahun hanya boleh mengambil kira-kira 2,000 orang pelajar Malaysia. Kita masih belum boleh memenuhi setengah daripada keperluan mereka yang berkecenderungan dan ingin belajar di universiti.

Kebelakangan ini pula terdapat ura-ura bahawa sebuah universiti keenam akan menjadi kenyataan. Perbincangan sahaja tidak mencukupi, apa yang kita perlukan ialah satu komitmen dari Kerajaan dalam hal ini. Saya harap Kerajaan dapat mempertimbangkan soal menyediakan lebih banyak peluang pengajian tinggi bagi rakyat Malaysia dari semua bangsa ini dalam erti keutamaan yang sama yang telah diberikan kepada Universiti Islam Antarabangsa yang dicadangkan ini. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Dato Ismail Hashim.

6.01 ptg.

Dato Ismail bin Hashim: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk turut sama menyokong dengan sepenuhnya sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Menteri Pelajaran dua hari yang lalu iaitu satu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ini dan mengikut Huraian yang tercatat di hadapan kita ini ialah:

"Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan supaya peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak akan terpakai bagi mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti yang

dibenar ditubuhkan di bawah perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, apa jua nama atau stailnya, jika ada berpuas hati bahawa ia akan ditubuhkan menurut nama-nama triti, perjanjian atau konvensyen di antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau menurut mana-mana perjanjian di antara Persekutuan dengan sesuatu organisasi antarabangsa”.

Ini adalah menunjukkan bahawa Akta pindaan ini yang membolehkan Kerajaan memberi peluang bukan sahaja penubuhan Universiti Islam sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dua hari yang lalu, bahkan membolehkan Kerajaan kita menubuhkan universiti-universiti memandangkan kekosongan bagi anak-anak kita yang kita pastikan bahawa segolongan besar di antara rakyat negara kita ini adalah terdiri daripada belia dan beliawanis. Bagi Kerajaan yang telah diberi mandat sejak 25 tahun yang lampau dan mandat yang diberikan oleh rakyat jelata tidak ada tolok bandingnya di dalam negara-negara di seluruh dunia ini sebagaimana yang telah diberikan oleh rakyat terhadap Kerajaan kita khususnya Kerajaan yang dihormati, yang disegani dan disanjung tinggi oleh dunia luar da juga jiran tetangga kita sebagaimana kita dapat saksikan, sebagaimana yang dapat kita pastikan sejak kewujudan negara kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah penubuhan universiti ini memang patut diadakan memandangkan universiti-universiti yang ada sebanyak 5 universiti memanglah tidak mencukupi kalau hendak dibandingkan anak-anak kita di dalam negara kita ini yang kita pastikan banyak belajar di luar negeri. Walau macam manapun dengan

penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini akan membolehkan rakyat jelata khususnya anak-anak muda kita mendapat pelajaran tinggi yang akan mentadbirkan negara kita di masa akan datang dengan begitu baik dan sebegitu terkenal bukan sahaja kita memandangkan ke Timur bahkan satu masa dan ketika negara luar atau negara-negara di dunia akan memandangkan ke negara Malaysia.

Dalam masalah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebagaimana huraian ataupun bahan-bahan yang telah dipertikaian di dalam masalah membentangkan Rang Undang-undang ini, saya rasa sungguh berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pandangan Kerajaan bagi menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa ini oleh sebab negara kita adalah negara yang berteraskan agama Islam di dalam negara yang kita dapat pastikan berbilang agama, berbilang keturunan dan berbilang adat resam tetapi agama, adat resam dan keturunan tidak kita nyahkan bahkan kita anggap sebagaimana kita letakkan agama Islam sebagaimana agama rasmi dalam negara kita.

Tuan Yang Dipertua, dalam penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini hendaklah kita berhati-hati supaya jangan kita dipertikaikan sebagai kata pepatah Melayu: Indah khabar dari rupa. Jadi kita berharap supaya Universiti Islam Antarabangsa ini bukan sahaja terkenal di dalam negara Asia Tenggara bahkan terkenal sebagai Universiti Azhar di Kahirah, Mesir. Oleh sebab dengan adanya unsur-unsur yang telah diberi pandangan yang sebegitu meluas kepada negara-negara Islam khususnya di atas penubuhan Universiti Islam

Antarabangsa di dalam negara kita ini kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada negara-negara Islam yang telah memainkan peranan penting bagi negara kita untuk mewujudkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa di dalam negara kita ini.

Bagi rakan-rakan kita yang bukan beragama Islam rasa tidaklah mesti kita khuatir, sebab kita telah berjalan begitu jauh sekali, kita telah mencapai kemerdekaan negara kita, kita telah maktubkan undang-undang Negara kita dalam masalah kaum-kaum yang telah dijadikan warganegara dalam negara kita ini dan juga agama mereka dan juga bahasa-bahasa mereka memang semuanya sudah termaktub di dalam Perlembagaan kita. Apa yang kita hendakkan ialah sokongan yang berpadu yang tidak berbelah bagi di antara rakan-rakan seperjuangan kita yang telah dapat mencapai kemerdekaan negara kita walaupun dipastikan banyak angkara-angkara yang telah dilibatkan oleh anasir-anasir yang hendak memecah belahkan perpaduan yang telah kita wujudkan di antara semua rakyat jelata dalam negara kita ini.

Jadi, kita khuatir ada di antara kita yang berupa musang berbulu ayam, yang dikatakan api dalam sekam, bila terdengar sahaja sesuatu perkara yang Kerajaan hendak mewujudkan maka timbullah perasangka-perasangka yang tak sepatutnya dikeluarkan oleh rakan-rakan kita, kalau kita kata bukan rakan kita tetapi kita telah menganggap mereka itu rakan seperjuangan kita untuk menentukan nasib bangsa dan jenerasi kita di dalam negara Malaysia yang kita cintai. Kita berharap segala pandangan-pandangan dan huraian-huraian yang tertentu hendaklah kita membuktikan bahawa kita adalah dalam sebuah rumah, sebuah rumah kita hendaklah menentukan rumah itu

supaya teguh, supaya dipandang indah, supaya dapat dihiasi dengan alat-alat berbagai yang menjadikan renungan kepada orang-orang yang dapat memastikan rumah yang telah kita bangunkan.

Kita tidak berkehendakkan di luar kita bercakap lain, di dalam kita bercakap lain. Jadi perkara-perkara ini kita sebagai pemimpin, sebagai orang telah dipertanggungjawabkan sama ada di dalam Dewan yang mula ini ataupun di dalam Dewan Rakyat seterusnya maka hendaklah kita memastikan bahawa tiap-tiap perkataan yang kita salurkan, yang kita katakan di dalam Dewan yang mulia ini akan direnungi oleh jenerasi kita yang akan datang bila mana mereka ini datang dalam bangunan Parlimen yang mula ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sungguh-sungguh mengharapkan supaya dalam masalah penubuhan universiti ini sebagaimana yang saya katakan tadi supaya janganlah kita akan perkatikan "indah khabar dari rupa", kita hendak menunjukkan bahawa kita negara yang majmuk, negara yang mempunyai berbilang kaum, negara yang menghormati di antara satu dengan lain, dapat kita menubuhkan satu Universiti Islam Antarabangsa yang akan dikenali seluruh dunia di masa-masa yang akan datang. Ini hanya akan berlaku, akan dapat dijalankan dengan perpaduan yang kuat, perpaduan yang sejagat, perpaduan yang tidak berbelah bahagi terhadap pemimpin, pemerintah negara kita yang telah sama-sama kita berikan mandat pada mereka untuk memimpin negara kita ini di masa kini dan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini saya mempunyai keyakinan yang penuh yang akan dapat mencerminkan di dalam suku

abad yang pertama di mana kita telah mengadakan "Konsep pandang ke Timur," akan tidak sepatutnya kita mesti memandang ke Timur, bahkan kita mesti padang diri kita sendiri supaya orang dapat menganggap kita adalah orang Malaysia, pandang ke Malaysia, walaupun kita pastikan "pandang ke Timur" sama ada di Korea atau Jepun ataupun di mana pun, Tuan Yang Dipertua, Tetapi hakikat yang sebenarnya kita hendaklah menentukan pandangan diri kita sendiri dari pandangan kita ke Timur ataupun ke Barat.

Walau macam mana pun, Tuan Yang Dipertua, ada baiknya juga kita hendak memastikan dari segi pembangunan, dari segi pentadbiran, dari segi kekhususan pentadbir-pentadbir negara-negara yang kita mengharapkan pandang ke Timur ini dapat kita bekalkan kepada pentadbir-pentadbir kita supaya membolehkan jenerasi kita menghormati atau memandang tinggi dari segi pentadbiran Kerajaan dan pembangunan negara di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, dalam rangkaian huraian kedua Rang Undang-undang ini bertujuan supaya Peguam Negara di lantik menjadi anggota Majlis Universiti dan Kolej Universiti dan bukannya sebagai Peguamcara atau wakilnya akan menjadi anggota sekiranya Peguam Negara dan seorang anggota Parlimen akan dilantik selain daripada anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Ini juga satu perkara yang baik supaya dapat kita menentukan dalam masalah kedudukan Peguam Negara kita.

Kemudian saya beralih kepada perkara huraian yang ketiga iaitu Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda Jadual teks bahasa Inggeris supaya selaras dengan

Bahasa Malaysia di mana tempoh untuk mewartakan mana-mana statut atau Akta yang baru atau pindaan ataupun Fasalnya tidak dinyatakan.

Tuan Yang Dipertua, Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu telah dikanunkan, telah diterima, telah dicatat di dalam Perlembagaan kita sebagai Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Malaysia, dan perlaksanaan kegunaannya sejak tahun 1967. Jadi saya harap khususnya pada pucuk pimpinan kita supaya kita dapat menyelaraskan bukan hanya penggunaan Bahasa Malaysia ini sebagai bahasa official yang dimaksudkan surat-surat rasmi sahaja, bahkan apa yang kita kehendaki supaya segala-gala Akta, segala-gala yang difikirkan sesuai dari segi undang-undang, dari segi apapun kita tidak berkehendakkan bilamana seorang Menteri hendak menghujahkan sesuatu minta izin dan dibahaskan dalam bahasa Inggeris walhal tahun 1967 Bahasa Malaysia telah diwujudkan untuk dipergunakan di dalam negara kita. Ini juga satu kelemahan yang mana suku abad, 25 tahun yang lalu sejak tahun 1967 telah kita kanunkan, tetapi alangkah sedihnya kita masih lagi memastikan bahawa kalau kita pergi keluar negeri, keadaan di dalam bandar kita ini sebagai bukan satu bandar yang dipunyai oleh warganegara-warganegara negara yang berbilang kaum, yang telah sama-sama menerima Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam negara kita ini, kita pastikan masih lagi berleluasa. Jadi apa yang kita harapkan supaya kita tidak dikedam sampai suku abad yang kedua bila mana 50 tahun kemerdekaan negara kita masih Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia tinggal di tahap itu sahaja. Cuba kita tengok negara jiran kita, di mana sahaja mereka yang menjadi warganegara atau apa keturunannya, bahasanya, mereka mesti

menggunakan bahasa negara itu, di dalam negara yang mereka menjadi warganegara dan papan-papan tanda perniagaan mestilah papan-papan tanda dalam bahasa negara tersebut. Jadi, oleh sebab kita ini menghormati, kita hendak kirakan itu, hendak kirakan ini, di samping itu kita lupa apa yang patut kita usahakan sejak suku abad yang lalu. Ini akan dipersoalkan oleh jenerasi kita yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi harapan saya dalam masalah huraian-huraian yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri Pelajaran pada dua hari yang lalu dalam masalah penubuhan universiti ini. Saya sungguh berasa bangga dan berbesar hati bahawa sebuah Universiti Islam akan diwujudkan di dalam negara kita akan dicintai ini.

Maka dengan itu, saya dengan sepenuh hati menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Timbalan Yang Dipertua: Datin Hajjah Mahimon.

6.18 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang Dipertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang berkenaan dengan Universiti Islam yang kita telah bincang sebentar tadi.

Syukur alhamdulillah, saya rasa bangga serta bertuah kerana universiti tersebut akan didirikan di negeri Pahang. Ada di antara rakan-rakan saya tadi telah mengatakan sepatutnya universiti ini didirikan ditengah-tengah dan ada di antaranya hendak bawa ke negeri lain dan sebagainya kerana Pahang telah dikatakan

duduknya di Pantai Timur. Tetapi saya rasa rakan-rakan saya itu tidaklah begitu faham kerana Frazer's Hill ini bukanlah berdekatan dengan tepi laut atau berdekatan dengan negeri Terengganu, Frazer's Hill ini ialah duduknya berdekatan dengan Negeri Selangor, tidak jauh daripada Kuala Lumpur.

Mengenai dengan universiti tersebut, saya rasa hairan sedikit kerana perkara ini telahpun diisytiharkan kepada rakyat melalui akhbar-akhbar, radio dan TV. Maka pada saat-saat yang akhir ini ramai di antaranya ada yang menentang, ada yang menyokong dan sebagainya.

Saya rasa tidaklah begitu zalim, jika universiti ini didirikan, pelajar-pelajar wanita tentu sekali dapat peluang mempelajari di universiti tersebut, jika cukup syarat-syarat dan saya juga berharap kepada Jawatankuasa atau Pengarah hendaklah terdiri daripada salah seorang ialah wanita supaya wanita tidak ketinggalan. Saya juga hairan mengapa wanita tidak boleh menyertai Universiti Islam, kerana saya dapati di Cairo, Universiti Al-Azhar ada ramai penuntut-penuntut wanita yang pergi menuntut di situ. Rasa saya tidaklah begitu zalim sekiranya universiti yang hendak didirikan di negeri ini dihadkan hanya untuk lelaki sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa sampailah masanya Malaysia ini patut mengadakan Universiti Islam dan setelah kita mendengar berbagai-bagai hujah ini rasa saya memanglah pada lazimnya saya sudah hampir 6 tahun duduk di Dewan yang mulia ini satu-satu projek yang hendak dijalankan oleh Kerajaan banyak sangatlah tentangannya, ada sahajalah itu dan ini tetapi pada akhirnya, Tuan Yang Dipertua, dengan sendirinya saya menyokong Rang Undang-undang ini, pada mulanya kita bincang macam-macam, bawa ke sana, ke sini, tetapi

akhirnya terus. Jadi rasa saya tidak gunalah kita memanjangkan masa membincang dengan panjang lebar, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini pada petang ini.

Timbalan Yang Dipertua: Fasal Barisan Nasional semua (*Ketawa*). Saya ingat kalau tak ada lagi, saya boleh minta Menteri yang berkenaan untuk menjawab.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Bismillahirrahmanir-rahim Tuan Yang Dipertua, alhamdulillah saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana atas limpah taufik dan hidayahNya telah memberi pandangan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dalam membincangkan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang akan diluluskan, insya Allah sebentar lagi. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka masalah undang-undang yang berkaitan dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dapat diatasi.

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat membincangkan Rang Undang-undang ini dan telah menyokong sebulat suara Rang Undang-undang ini dan menyokong penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan atas pandangan-pandangan yang bernas dan berguna yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan insya Allah kita akan meneliti segala cadangan-cadangan ini dalam melaksanakan penubuhan Universiti Islam antarabangsa.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pimpinan 2M, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir kerana beliau telah mengilhamkan universiti ini. Saya juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kebijaksanaan dan pandangan jauhnya tentang penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini yang ada kaitannya dengan perkembangan pelajaran dan perkembangan Islam di negara kita ini khusus, di rantau ini amnya.

Universiti ini adalah satu universiti yang bercorak dan bersifat Islam dan bukan satu universiti yang hanya menghasilkan pengajaran-pengajaran Islam. Ini bermakna di universiti ini akan diajar semua bidang ilmu sains dan teknologi dalam berbagai disiplin seperti universiti-universiti biasa, walau bagaimanapun konsep, prinsip dan falsafah yang akan digunakan dalam disiplin-disiplin ini adalah berdasarkan kepada konsep-konsep, falsafah-falsafah dan perspektif Islam, corak dan sifat keislaman universiti ini akan dibangunkan dalam struktur ekonomi dan kurikulum. Setiap pelajar akan didedahkan kepada kursus-kursus tamadun Islam di mana kursus tamadun Islam ini akan merangkumi bidang Islam terhadap ketuhanan, kemanusiaan, kedudukan alam dan sejarah yang akan dijadikan kursus-kursus teras dalam program akademik Islam. Prinsip-prinsip dan falsafah ilmu serta pendidikan Islam yang disyorkan oleh, dengan izin, First World Conference on Islamic Education yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Arab Saudi di Mekah pada tahun 1976. Mengikut falsafah ini, tujuan pendidikan adalah untuk pengasasan peranan manusia sebagai khalifah di bumi, Islam dan masyarakat atau sebagai manusia yang

sentiasa berhubung dengan manusia dan berhubung dengan Allah. Pendidikan yang dikehendaki oleh Islam ialah satu proses latihan pembelajaran dan pemupukan ke arah yang membolehkan manusia ini membangun diri, masyarakat dan alam sekitarnya dalam rangka mengabdikan diri kepada Allah dan mendapat keredhaan Allah. Ilmu pengetahuan adalah disifatkan sebagai amanah dari Allah yang harus dipupuk dan dipelihara dengan cara-cara yang dikehendaki oleh Allah dan ilmu dalam pandangan Islam adalah bersifat sepadu (integrated), ini termasuklah ilmu-ilmu yang diwahyukan oleh Allah (revealed knowledge) dan ilmu-ilmu yang diperolehi melalui daya fikir dan usaha manusia (acquired knowledge). Dengan itu satu kumpulan ilmu pengetahuan teras (core knowledge) akan dijadikan teras kurikulum pelajaran dan pendidikan. Ilmu teras ini dikira dalam bidang akidah, syariah dan akhlak serta lain bidang yang berkaitan. Bidang-bidang tersebut akan menjadi ilmu yang diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar universiti ini.

Ilmu yang akan diberi adalah menyeluruh dan bersatu padu di antara rohani dan jasmani, iaitu kurikulum bagi tiap-tiap pelajar akan merangkumi aspek pembangunan intelek-intelek serta aspek membaiki moral dan jasmani. Dalam pada itu bidang-bidang ilmu dan disiplin yang akan diadakan di universiti ini akan merangkumi semua bidang-bidang sains, sains dan teknologi daripada pengajian sains kemanusiaan, sains fizikal sehinggalah kepada sains teknologi untuk memenuhi konsep ilmu dan pendidikan Islam yang mendatangkan bahawa semua ilmu itu adalah bersepadu (integrated) dan bersatu (unified). Semua pengajian di bidang-bidang pengkhususan disiplin akan dihubungkan di antara satu disiplin dengan satu disiplin yang lain.

Pelajar tidak akan hanya didedahkan semata-mata kepada sistem pengajian yang memisahkan disiplin dengan begitu ketat, sebaliknya sungguhpun pengkhususan profesional masih diteruskan, namun hubungan di antara berbagai disiplin akan diadakan melalui kursus-kursus penyatuan (unifying courses).

Tuan Yang Dipertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Husain supaya pengambilan pelajar-pelajar dari Malaysia dilebihkan, suka saya memaklumkan bahawa Universiti Islam Antarabangsa ini adalah merupakan sebuah universiti yang berkonsepkan antarabangsa dan dianjurkan bersama oleh Kerajaan negara-negara Islam dan oleh sebab itu komposisi pelajar-pelajar mestilah membayangkan konsep antarabangsa ini. Pelajar-pelajar dari negara ini yang boleh memasuki Universiti Islam Antarabangsa ini tidaklah hanya dikhaskan daripada pelajar-pelajar Melayu sahaja, bahkan pelajar-pelajar bukan Melayu juga akan diberi peluang memasuki Universiti Islam Antarabangsa ini. Saya harap ini dapat diberi perhatian. Oleh itu Yang Berhormat tidak perlu bimbang mengenai peluang-peluang dan kelayakan penuntut-penuntut kita memasuki Universiti Islam Antarabangsa ini. Universiti Islam Antarabangsa akan dapat mengambil pelajar dari calon-calon keluaran sekolah-sekolah tempatan, oleh itu Ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang mengenai kelayakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar dari negara ini untuk membolehkan mereka memasuki Universiti Islam Antarabangsa itu.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok, masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat,
mesyuarat ditangguhkan sekarang
sehingga pukul 2.30 petang hari esok,
11hb Januari, 1983.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*